



Aduan polis, syak Sungai Semenyih disabotaj

MUKA 2

Kutipan premium naik kepada RM1.088 bilion

MUKA 3

Anak Selangor gondol 17 pingat kejohanan cef

MUKA 20

Orang Asli bukan Islam turut berkhatan

MUKA 21

Demi lindungi kepentingan pengguna

Hukuman lebih berat individu cemar air

OLEH NADIAH ZAMLUS

BANGI - Dato' Menteri Besar mahu hukuman lebih tegas dikenakan ke atas individu yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pencemaran air supaya bekalan air di Selangor terus terpelihara.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata, sehingga ini hukuman maksimum kepada pencemar adalah denda RM500,000 dan penjara lima tahun, tetapi Kerajaan Selangor bertegas mahu hukuman ditingkatkan terhadap pesalah ini.

"Kerajaan Negeri boleh ambil tindakan undang-undang namun Kerajaan Pusat memaklumkan mereka mahu menetapkan enakmen ini, jadi ia mengambil masa sedikit," katanya kepada media.

Beliau berkata demikian selepas lawatan ke Kolam Tasik Idaman bersama EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian di sini, pada 23 Disember lalu.

Menjelaskan lebih lanjut, Amirudin berkata, pihak berkaitan belum berjaya mengenal pasti pelaku yang membuang bahan tercemar berikutan tempoh untuk mengesan bahan itu mengambil masa yang agak lama.

Katanya, bahan pencemaran itu dibuang ke lubang utama yang kemudiannya memasuki saluran loji rawatan Indah Water Konsortium (IWK).

"Selepas melalui satu proses, ia kemudiannya dilepaskan ke sungai, tetapi kesan pencemaran hanya dapat dikesan di muka sauk sungai utama iaitu kira-kira 10 hingga ke 13 kilometer dari kawasan loji.

"Jadi tempoh masa ini berlaku dalam tempoh empat hingga lima jam yang mana sudah tentu pesalah ini tidak dapat dikesan, mungkin individu berkenaan sudah tidak ada di Malaysia ataupun sedang bersembunyi," katanya.



Dato' Seri Amirudin Shari meninjau lokasi Kolam Tasik Idaman, Dengkil pada 23 Disember 2019. Kolam ini dijadikan sumber air bagi mencairkan kesan pencemaran di Sungai Semenyih, yang menjejaskan LRA Sungai Semenyih pada 21 Disember lalu. Foto oleh Fikri Yusof. **Berita lanjut di muka 2**

Terima penuh bantuan khas kewangan

SHAH ALAM - Baki Bantuan Khas Kewangan 2019, antara RM500 hingga dua bulan gaji untuk penjawat awam Selangor diagihkan pada 24 Disember lalu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, baki bantuan khas pada tahun ini diberi kepada semua penjawat awam berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) masing-masing.

"Sukacita ingin saya maklumkan bahawa baki Bantuan Khas Kewangan tahun 2019 penjawat awam Negeri Selangor mula diagihkan pada 24 Disember.

"Bonus sebulan gaji disalurkan sebelum Aidilfitri lalu manakala baki antara RM500 sehingga dua bulan gaji berdasarkan KPI," katanya menerusi laman sosial Facebook.

Pada masa sama, Amirudin turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Selangor yang menerima Anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam 2019 baru-baru ini.

"Tahniah juga kepada kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang dinobatkan Juara Anti Rasuah 2019.

"Saya harap bantuan khas kewangan ini menjadi dorongan kepada penjawat awam untuk terus menggalas amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti," katanya.

Dalam pembentangan Belanjawan #Selangor2020 lalu, Amirudin mengumumkan bantuan khas berkenaan yang memberi implikasi kewangan sebanyak RM30 juta.



Elak pembuangan sisa haram

IWK tutup lurang kumbahan



Hee Loy Sian meninjau salah satu pembentung di IWK Bukit Mahkota, Semenyih yang terdapat limpahan bahan kehitaman hingga mengakibatkan pencemaran bau di Sungai Semenyih pada 22 Disember lalu

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

KAJANG - Indah Water Konsortium (IWK) akan menutup secara kekal semua lurang kumbahan di loji rawatannya di Bandar Bukit Mahkota, bagi menghalang pembuangan sisa haram oleh pihak tidak bertanggungjawab, kata Hee Loy Sian.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna berkata, langkah itu susulan insiden pencemaran bau sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sementara.

"Kita akan mengarahkan Majlis Perbandaran Kajang dan IWK supaya mengadakan kawalan 24 jam dengan menghadkan akses (keluar masuk) ke kawasan ini.

"Polis juga diarah membuat rondaan sepanjang masa bagi memastikan tiada lagi pencerobohan daripada lori yang membuang sisa bahan kimia," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan tapak bersepadu di sini pada 22 Disember lalu.

Loy Sian berkata, walaupun Loji

Olahan Air Sisa Kumbahan Bandar Bukit Mahkota adalah lokasi terbiar dan tidak memiliki penduduk ramai, namun ia dilengkapi sistem pembentungan serta kemudahan infrastruktur.

Beliau berkata, halangan untuk pihak industri memasuki kawasan itu juga tidak boleh dibuat memandangkan lokasinya bersempadan Negeri Sembilan.

"Bagaimanapun, kita bercadang untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di laluan keluar masuk supaya mudah bagi kita mengenal pasti penceroboh pada masa akan datang.

"Kita juga akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat untuk mengadakan kolam penahanan (retention pond) di kawasan ini bagi menyalurkan bahan kimia ke satu tempat berdekatan jika insiden seperti ini berlaku lagi," katanya.

Pada masa sama, katanya, pemantauan dan pensampelan dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati tiga ton bau masih dikesan di Sungai Beranang, manakala dua ton di muka sauk loji di Jenderam Hilir sehingga 12.30 pagi pada 22 Di-

Kita akan mengarahkan Majlis Perbandaran Kajang dan IWK supaya mengadakan kawalan 24 jam dengan menghadkan akses (keluar masuk) ke kawasan ini

HEE LOY SIAN
EXCO Alam Sekitar

sementer lalu.

Katanya, LUAS bersama semua pihak sedang berusaha menangani insiden itu termasuk mengenal pasti pihak tidak bertanggungjawab.

Pada 21 Disember lalu, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas bagi mengelak air tercemar disalurkan kepada pengguna.

Insiden itu menyebabkan gangguan bekalan air kepada lebih 1.5 juta pengguna di sebahagian kawasan Hulu Langat, Sepang, Putrajaya, Petaling Jaya dan Kuala Langat.

SPAN buat laporan polis, syak unsur sabotaj

PUTRAJAYA

- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah membuat laporan polis berhubung insiden pencemaran bau yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan Bukit Tampoai terpaksa ditutup, kata Pengerusinya Charles Santiago.

Beliau berkata, laporan polis itu dibuat pada 22 Disember lalu kerana disyaki ada unsur sabotaj kerana insiden itu telah berlaku tiga kali di Selangor, dengan dua kali melibatkan lokasi sama.



"Kami serahkan kepada pihak polis untuk siasat sama ada insiden ini ada unsur sabotaj atau berkait dengan pembuangan sisa secara haram," katanya dalam sidang media di sini, pada 23 Disember lalu.

Penutupan LRA itu sejak 21 Disember lalu telah menyebabkan gangguan bekalan air dan menjejaskan 1.5 juta penduduk di Selangor. - BERNAMA

Pencemaran bukan yang terburuk

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menepis dakwaan penutupan berulang kali Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sepanjang 2019 antara yang terburuk berbanding tahun sebelumnya.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, kebanyakan henti tugas itu berpunca daripada pencemaran bau di sumber air mentah berkenaan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

"Sebenarnya tidaklah terlalu banyak penutupan loji kerana berdasarkan rekod, sekitar empat hingga lima kali berbanding tahun-tahun sebelum ini, cuma tahun ini disebabkan laporan (pencemaran bau)

Sebenarnya tidaklah terlalu banyak penutupan loji kerana berdasarkan rekod, sekitar empat hingga lima kali berbanding tahun-tahun sebelum ini, cuma tahun ini disebabkan laporan (pencemaran bau)
AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

"Bagaimanapun, kita tidak harus culas dan menyediakan pelan terbaik bagi mengatasi masalah ini daripada terus berulang," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Penamat Peringkat Akhir dan Penyaruangan Jersi Tour De Selangor 2019 di Dataran Kemerdekaan di sini pada 22 Disember lalu.

Amirudin mengulas insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih yang berpunca daripada Loji Rawatan Kumbahan Indah Water Konsortium Bandar Bukit Mahkota, pada 21 Disember membabitkan 336,930 akaun pengguna.

Pada masa sama, beliau sudah mengarahkan Majlis Per-

bandaran Kajang untuk bertindak termasuk menghadkan laluan di kawasan loji olahan air sisa kumbahan terbabit.

"Kawasan itu akan dipantau melalui kamera litar tertutup (CCTV) sebaik kita memulakan projek (pemasangan CCTV) pada 2020 dengan harapan dapat menangani segera insiden seperti ini.

"Paling penting bukan masalah air kerana setiap masa (air) dapat disalurkan, tetapi pencemaran bau yang mengalir di sungai akan menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk," katanya.

Langkau sasaran Kerajaan Negeri

Kutipan premium meningkat kepada RM1.088 bilion

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Hanya dalam tempoh dua minggu seluruh Pejabat Daerah dan Tanah serta Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) berjaya meningkatkan kutipan premium daripada RM1.066 bilion kepada RM1.088 bilion.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, pertambahan RM22 juta dalam tempoh singkat itu mengatasi sasaran ditetapkan Kerajaan Negeri bagi 2019.

"Bagi 2019, jumlah kutipan premium dikutip semua Pejabat Daerah dan Tanah sehingga 30 November adalah 99.6 peratus iaitu RM1,066,412,067.01, ia adalah pencapaian menghampiri 100 peratus daripada yang ditetapkan tahun ini.

"Sebentar tadi, Pengarah PTGS, Dato' Zulkefli Khalid baru menjelaskan kutipan sehingga hari ini RM1,088,000,000 dan ini bermakna bahawa tuan puan berjaya mencatatkan 101 peratus daripada sasaran ditetapkan Kerajaan Negeri," katanya.



Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Kejohanan Sukan Pejabat Tanah dan Daerah Selangor Ke-13 2019, di Ideal Convention Centre Shah Alam di sini, pada 19 Disember lalu.

Majlis itu turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd

Amin Ahmad Ahya, Zulkefli dan Pegawai Daerah Kuala Langkat, Mohd Jusni Hashim.

Amirudin menyifatkan Pejabat Daerah dan Tanah serta PTGS sebagai jentera pengutip hasil utama bagi Selangor iaitu 80 peratus kutipan ini adalah bersumberkan pe-

jabat terbabit.

Katanya, pencapaian itu membantu mengekalkan kestabilan kewangan seterusnya mengorak langkah menuju hala tuju seperti digariskan Kerajaan Negeri.

"Saya amat berharap, pada 2020, semua Pejabat Daerah dan Tanah

Bagi 2019, jumlah kutipan premium dikutip semua Pejabat Daerah dan Tanah sehingga 30 November adalah 99.6 peratus iaitu RM1,066,412,067.01, ia adalah pencapaian menghampiri 100 peratus daripada yang ditetapkan tahun ini

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

serta PTGS terus mengekalkan kecemerlangan ini, terus bergerak ke depan bagi memastikan hasil premium negeri ini dapat dikutip sebaik dan setinggi mungkin agar hasil-hasil ini dapat dibelanjakan untuk kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya," katanya.

Raih kecemerlangan, lahir generasi matang

GOMBAK - Bukan hanya fokus meraih keputusan cemerlang, sekolah juga perlu dijadikan medium bagi menerapkan nilai sivik dalam diri pelajar.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, nilai itu antaranya menjaga kebersihan dan menghormati jiran tetangga bagi membentuk generasi matang, maju serta melahirkan komuniti damai.

"Salah satu cita-cita Kerajaan Negeri ingin melihat bidang pendidikan serta kehidupan masyarakat kita berubah dan yang penting kepada diri, komuniti, keluarga, negeri dan negara.

"Sebab itu saya kata sekolah bukan hanya untuk mendaapat keputusan 8A atau 10A tetapi tempat membentuk generasi masa depan supaya mereka (pelajar) boleh menjadi manusia," katanya pada Program Kembali Ke Sekolah 2020 anjuran Dewan Uudangan Negeri Sungai Tua di



Dewan Rakyat Batu Caves di sini pada 21 Disember lalu.

Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri Sungai Tua turut memuji inisiatif Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang bersejua memasukkan nilai sivik da-

lam subjek Pendidikan Islam dan Moral.

"Kerajaan Negeri juga memperuntukkan dana yang besar dalam sektor pendidikan demi memastikan bidang ini terus diperhebat," katanya.

1,500 pelajar Sungai Tua terima bantuan sekolah

GOMBAK - Lebih 1,500 pelajar di DUN Sungai Tua menerima beg sekolah sempena program Kembali Ke Sekolah sesi 2020 tahun ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, bantuan diagih secara berperingkat mengikut kawasan ditetapkan yang akan selesai sebelum berakhirnya 2019.

"Kita harap sumbangan ini dapat meringankan beban ibu bapa terutama pada hujung tahun yang memerlukan banyak wang untuk menyiapkan persiapan sekolah anak.

"Justeru, saya yakin sumbangan beg sekolah ini dapat meringankan beban ibu bapa untuk menyediakan kelengkapan lain," katanya pada program itu di Dewan Rakyat Batu Caves di sini pada 21 Disember lalu.

Sementara itu, seorang penaja, Mashitah Mohd Ali, 47, men-

gucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan beg sekolah berkenaan.

"Terima kasih Kerajaan Negeri. Peruntukan untuk beli beg sekolah boleh digunakan untuk membeli kelengkapan lain atau bayar yuran," katanya yang mempunyai tiga anak.

Nursyahida Yahya, 39, pula menzahirkan kesyukuran apabila Kerajaan Negeri sudi memberi sumbangan yang membantu meringankan beban ibu dan bapa.

"Saya ada lima anak, justeru sumbangan ini dapat meringankan beban saya dan suami yang memerlukan wang lebih bagi mempersiapkan kelengkapan anak kami," katanya.

Seorang pelajar, Dharshana Pannirselvam, 12, yang menerima bantuan itu amat gembira dan lebih bersemangat memulakan sesi persekolahan tahun hadapan.



Saji pelbagai program santai kontemporari

Ambang Tahun Baharu dijangka paling meriah

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 peringkat Selangor yang akan diadakan pada 31 Disember di Dataran Kemerdekaan Shah Alam di sini, bakal menjadi acara paling meriah dan terbuka.

EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan, Mohd Khairuddin Othman berkata, sambutan bermula jam 10 pagi hingga 12.30 tengah malam itu bersifat terbuka apabila Kerajaan Negeri mahu mendekati semua kategori masyarakat sama ada aktif, tidak aktif, pasif dan mempunyai masalah sosial atau sebaliknya.

"Kerajaan Negeri mengambil langkah menganjurkan program seumpama ini bertujuan menyediakan pelbagai aktiviti dan program hiburan berinformasi serta sebagai alternatif kepada setiap lapisan masyarakat.

"Program akan disampaikan dalam bentuk santai kontemporari dan menghiburkan sesuai dengan cita rasa serta relevan mengikut kehendak zaman," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Media Program Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020 peringkat Selangor di Foyer Setiausaha Kerajaan Negeri di sini, pada 20 Disember lalu.

Mohd Khairuddin berkata, program hampir satu hari penuh turut menampilkan pelbagai acara menarik antaranya pertandingan e-sukan seperti 'PubG', 'Call of Duty', 'Fifa20' dan 'Tekken 7', pertandingan



Mohd Khairuddin Othman (tengah) bersama dron selepas sesi sidang media Program Sambutan Ambang 2020 di Bangunan SUK, Shah Alam pada 20 Disember 2019

gan dron serta kendera saji yang akan berterusan hingga malam.

"Selain itu, turut diadakan acara Penalti Ambang 2020, 'Netball Shootout Ambang 2020', 'Beyblade' yang menawarkan hadiah wang tunai lumayan," katanya.

Beliau berkata, sambutan diteruskan pada sebelah malam dengan program Selangor Berselawat dan solat berjemaah sebelum diikuti persembahan perarakan pancaragam yang juga pertama kali diadakan.

Katanya, sambutan lebih meriah apabila pada malam berkenaan turut diadakan persembahan penyanyi popular, Black Mentor, Syamel dan Ernie Zakri.

"Kemuncak sambutan akan dihadiri Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari, turut akan mengira detik jam 12 tengah malam diikuti pertunjukan bunga api.

"Sambutan kali ini lebih meriah memandangkan Selangor sudah lama tidak mempersembahkan pertunjukan bunga api pada malam tahun baharu.

"Justeru, saya menyeru warga Selangor khususnya untuk datang beramai-ramai dan sertai pelbagai acara yang akan diadakan selain bersama mengira detik kedatangan tahun baharu 2020," katanya.

Kerajaan Negeri turut menjangka kehadiran pengunjung kira-kira 20,000 orang pada sambutan malam terbabit.

Tindakan tegas terhadap peniaga

GOMBAK - Peniaga yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 bakal berdepan tindakan tegas termasuk penalti sehingga RM500,000.



Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, tindakan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Bagi individu, boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau kompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat, boleh didenda sehingga RM500,000 atau kompaun sehingga RM250,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2019 di pasar raya besar Giant, Batu Caves di sini, pada 23 Disember lalu.

Muhamad Zikril Azan berkata, bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang kawalan pula, pesalah boleh didenda sehingga RM10,000 atau kompaun RM5,000 bagi individu.

Sementara bagi syarikat pula, boleh didenda sehingga RM20,000 atau kompaun sehingga RM10,000.

"Peniaga diingatkan meletakkan tanda harga warna merah jambu pada barangan harga kawalan kerana KPDNHEP mempergiatkan pemantauan harga dengan mengadakan kerjasama pelbagai pihak lain seperti Pegawai Pemantau Harga, 'Friends Of KPDNHEP' yang merupakan mata dan telinga kementerian, Kerajaan Negeri, agensi kerajaan lain, penghulu dan penggawa," katanya.

SELANGOR KINI

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Teon Eg

WARTAWAN

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor hayati@mediaselangor.com,

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

REKA LETAK Azwa, Nor Azarina, Farah Azila, Zul

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

Nadhran Azlan nadhran@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Kuat kuasa berperingkat larangan penyedut minuman plastik

SHAH ALAM - Penguatkuasaan penggunaan plastik sekali guna seperti beg dan penyedut minuman akan dilaksana secara berperingkat di Selangor mulai tahun hadapan.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi, Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, ketika ini terdapat pengusaha restoran yang masih memberi penyedut minuman plastik secara automatik.

"Tarikh permulaan penguatkuasaan akan diumumkan pada waktu sesuai.

"Kita menggalakkan pengusaha kedai makanan menggunakan penyedut minuman kertas lebih mesra alam berbanding penyedut minuman plastik," katanya di Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat Majlis Bandaraya Shah Alam 2019 di sini, pada 19 Disember lalu.

Loy Sian berkata, antara tindakan yang akan diambil jika peniaga gagal mematuhi adalah dengan tidak memperbaharui lesen perniagaan peniaga.

Pada masa sama, katanya,

kutipan caj 20 sen akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bermula tahun hadapan.

"Langkah itu kerana terdapat peniaga yang mengutip caj terbabit gagal menjalankan program tanggungjawab sosial (CSR) seperti yang sepatutnya.

"Justeru, caj yang dikutip akan disalurkan kepada PBT untuk dimasukkan ke dalam akaun amanah dan menjalankan CSR kepada komuniti setempat khususnya membabitkan kesedaran alam sekitar," katanya.

Amal gaya hidup sihat, tingkat produktiviti

Galak penjawat awam aktif bersukan atasi obesiti

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Penjawat awam disaran untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dengan bersukan dalam memastikan fizikal dan mental mereka kekal sihat, sekali gus dapat meningkatkan produktiviti kerja.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, ini kerana aktif bersukan mampu mengatasi masalah obesiti iaitu penyebab kepada pelbagai penyakit berbahaya antaranya serangan jantung, kencing manis dan darah tinggi.

"Bagi penjawat awam, kesihatan dan kecergasan adalah suatu yang penting selain ia adalah faktor melaksanakan tanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih efisien, inovatif, kreatif dan produktif.

"Penjawat awam tidak bersukan atau yang kerap sakit pastinya akan gagal menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih efisien," katanya.



Peserta bergambar kenangan ketika Majlis Apresiasi Sukan Pejabat Tanah dan Daerah (PETANDA) Selangor 2019 di IDCC, Shah Alam pada 19 Disember 2019

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Kejohanan Sukan Pejabat Tanah dan Daerah (PETANDA) Selangor Kali ke-13 2019, di Ideal Convention Centre Shah Alam di sini, pada 19 Disember lalu.

Berhubung penganjuran PETANDA ke-13 2019, Amiru-

din berkata, kegiatan seperti ini mampu menjalin kerjasama erat kakitangan dan meningkatkan persefahaman walaupun bertugas di daerah berlainan.

Amirudin juga menyampaikan penghargaan kepada tuan rumah kejohanan, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Langat di

atas kejayaan penganjuran kali ini.

Dalam kejohanan membabitkan 14 kategori menerusi 10 acara sukan itu, PDT Kuala Langat muncul juara keseluruhan diikuti Pejabat Tanah dan Galian Selangor di tempat kedua.

Manakala PDT Kuala Selangor

Bagi penjawat awam, kesihatan dan kecergasan adalah suatu yang penting selain ia adalah faktor melaksanakan tanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih efisien, inovatif, kreatif dan produktif

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

dan PDT Petaling masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat.

Sementara itu, dua wakil kontinjen PDT Kuala Langat, Rumzi Ngahton dan Norliza Razali masing-masing dinobatkan sebagai olahragawan serta olahragawati kejohanan kali ini.

Sikap bertanggung punca lewat daftar

KUALA LUMPUR - Sikap gemar bertanggung segelintir masyarakat antara faktor yang dikenal pasti punca rakyat lewat mendaftar Skim Air Darul Ehsan.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Abdul Halem Mat Som berkata, selain itu, ada kemungkinan juga pemohon beranggapan bahawa skim terbabit akan dibuka semula pendaftarannya tahun hadapan.

"Kelewatan mungkin disebabkan pemohon mengambil sikap menunggu dan akan membuat pendaftaran di saat-saat akhir.

"Mungkin ada (rakyat) yang kurang jelas dengan skim ini. Mereka fikir boleh mendaftar semula tahun berikutnya, sedangkan kita memang membuka pendaftaran setakat 31 Disember ini sahaja," katanya kepada SelangorKini.

Abdul Halem berkata, ada juga kemungkinan rakyat lebih

rela membayar bil setiap bulan dengan beranggapan RM11.40 itu sebagai jumlah yang kecil.

"Contoh penduduk kampung, mungkin pendapatan mereka melebihi pendapatan minimum ditetapkan untuk skim ini.

"Ada juga faktor rakyat rasa tidak layak untuk memohon dan juga rela membayar bil bulanan.

"Namun, kita cuba membantu mereka jika mereka tidak pasti. Berdasarkan rekod diperolehi, banyak kempen (pendaftaran) agak perlahan," katanya.

Menjawab soalan adakah pendaftaran skim itu akan dibuka semula, Abdul Halem

berkata, tarikh pendaftaran ditetapkan Kerajaan Negeri dan proses semakan kelayakan mengambil masa dua hingga tiga bulan.

Katanya, hal itu kerana pelaksanaan air percuma berkenaan akan bermula pada 1 Mac tahun hadapan.

"Bermula 1 Januari hingga 28 Februari 2020, pihak kami akan membuat proses semakan kelayakan pemohon.

"Manakala, 1 Mac skim ini akan dilaksanakan untuk pemohon yang berjaya serta pada tempoh itu hingga April, pemohon yang tidak berjaya boleh membuat rayuan namun keputusan tertakluk Kerajaan Negeri," katanya.

GROW PKNS catat jualan naik empat kali ganda

SHAH ALAM - Program Usahawan Siswazah (GROW) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berjaya mencatat jualan RM7.17 juta bagi tempoh April hingga September lalu.

Ketua Pegawai Korporat PKNS, Siti Zubaidah Abdul Jabar berkata jumlah itu meningkat empat kali ganda berbanding tahun lalu yang hanya mencatatkan RM1.8 juta.

"Faktor peningkatan jualan tahun ini adalah pertambahan bilangan usahawan dan trend pembelian secara dalam talian.

"Contohnya, ada penuntut universiti awam yang menyertai GROW berjaya meningkatkan jualan ke sehingga 300 peratus dengan hanya memanfaatkan tempahan menerusi dalam talian," katanya kepada pemberita pada Majlis Gradua-si GROW PKNS 2019 di sini pada

19 Disember lalu.

Pada majlis itu, seramai 30 usahawan yang berjaya menamatkan modul di bawah program GROW diraikan.

Sementara itu, Siti Zubaidah berkata sehingga kini GROW mempunyai 333 peserta dengan hasil jualan keseluruhan syarikat sebanyak RM26 juta dari 2006 hingga 2019.

"PKNS akan terus menyokong usaha program ini supaya konsisten melahirkan usahawan baharu yang memiliki semangat keusahawanan tinggi dan berdaya saing.

"Diharap dengan landasan yang disediakan ini mampu memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari selok belok perniagaan dengan mengikuti bengkel oleh tenaga pengajar," katanya.





Usahawan komited kekal prestasi

85 peratus bayar pinjaman HIJRAH



OLEH SHEEDA FATHIL

PETALING JAYA - Sebanyak 85 peratus bayaran balik berjaya dilunas usahawan di bawah Yayasan Hijrah Selangor (HIJRAH), kata Pengerusi Eksekutifnya, Dato' Mansor Othman.

Beliau berkata, rekod positif setiap tahun itu membuktikan usahawan komited mengekalkan prestasi mereka terutama ketika membuat bayaran balik.

"Peminjam semua bagus dan kebanyakan membayar balik mengikut masa ditetapkan. Kita berharap usahawan ini akan terus menunjukkan prestasi mem-

banggakan HIJRAH dan Kerajaan Negeri khasnya," katanya kepada SelangorKini.

Beliau yang ditemui pada program Kembara Sukses HIJRAH Selangor 2019 di sini pada 19 Disember lalu berkata kebanyakan usahawan berpotensi besar untuk dilantik sebagai Syarikat Peneraju HIJRAH (Anchor Company).

"Melalui syarikat itu, mereka ditugaskan untuk membimbing usahawan baharu seperti ibu tunggal, asnaf, belia dan siswa yang berminat memulakan perniagaan melalui Skim Khas Zero to Hero.

"Malah, mereka akan ditugaskan untuk membimbing usahawan lain dan HIJRAH akan memberi pinjaman kepada golongan terbabit memulakan perniagaan," katanya.

Kembara itu melabuhkan tirainya hari ini yang menyaksikan 13 orang dari 22 cawangan HIJRAH seluruh negeri berjaya dipilih sebagai peserta 'Success Story Hijrah 2019'.

Program itu merupakan usaha yayasannya untuk mendokumentasikan pencapaian usahawan HIJRAH dalam bentuk penulisan dan video yang menampilkan prestasi cemerlang peserta.

Karnival pancing acara tahunan

PELABUHAN KLANG - Karnival memancing di Pantai Tanjung Harapan akan dijadikan acara tahunan sebagai usaha merencanakan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020.

EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari berkata, ia susulan lebih 2,000 kaki pancing termasuk Sabah dan Sarawak mengunjungi pantai berkenaan sepanjang tahun ini.

Katanya, walaupun terletak di tengah-tengah kesibukan kapal kontena dan lori muatan berat, namun ia tidak menghalang pantai berkenaan dikenali dalam kalangan kaki pancing.

"Saya berbangga melihat jumlah pengunjung yang membanjiri pantai setiap kali acara diadakan.

"Bagi memastikan misi TMM2020 terlaksana, Kerajaan Negeri juga akan menaik taraf

mercu tanda di sini iaitu kapal Bugis, surau dan tandas awam," katanya ketika ditemui pada Karnival Pentas Lokal anjuran Pejabat DUN Selat Klang di Bazaar Esplanade Tanjung Harapan di sini pada 22 Disember lalu.

Acara utama iaitu pertandingan memancing mendapat sambutan lebih 1,000 peserta dari seluruh negara.

Mengulas pertandingan itu, Abdul Rashid mencadangkan jumlah hadiah wang tunai ditambah dari RM40,000 kepada RM60,000 sekiranya acara sama diadakan tahun hadapan.

"Terdapat pelbagai ikan yang ditangkap kali ini termasuk malong, belukang, duri, sembilang dan kerapu.

"Saya berharap lokasi pantai ini akan bertambah selesa tahun depan, sekali gus membolehkan acara kita menarik lebih ramai peminat joran," katanya.



Jelajah Persona manfaat pelancongan dua hala

SHAH ALAM - Program Jelajah Persona Selangor 2019 dirancang ke tiga negeri, mampu memberi manfaat dua hala ke arah memacu industri pelancongan serta meningkatkan kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa ke negara ini.

EXCO Pelancongan dan Kebudayaan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari berkata, inisiatif dijayakan Tourism Selangor melalui program sarat dengan intipati pelancongan itu banyak memberi impak positif khususnya kepada Tahun Melawat Malaysia 2020.

"Program jelajah ini menjadi landasan kepada penggiat in-

dustri pelancongan untuk menjalin kerjasama dengan Badan Pelancongan Negeri serta Kerajaan Negeri secara amnya.

"Perkara ini secara tidak langsung akan membuka peluang lebih luas dalam usaha mempergiat pelan promosi pelancongan bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong domestik khususnya ke Selangor," katanya dalam kenyataan pada 20 Disember lalu.

Abdul Rashid berkata, menerusi program itu, Tourism Selangor menggerakkannya ke Alor Setar, Kedah (26 hingga 28 November); Johor Bahru, Johor (15 hingga 17 Disember) dan

Ipoh, Perak (18 hingga 20 Disember) sebagai usaha strategik program promosi pelancongan untuk Selangor.

Beliau berkata, program ini membabitkan kerjasama kerajaan dengan kerajaan (GTG) dan perbincangan antara lain membabitkan usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri yang akan diambil bagi memperkasa industri pelancongan.

"Pembabitkan diterima baik membolehkan sesi promosi dan pengenalan produk dilakukan secara terus kepada penggiat industri pelancongan.

"Hasil perkongsian di ketiga-tiga negeri ini dijangka dapat disampaikan kepada golo-

ngan sasar yang terdiri daripada pelancong tempatan bermastautin luar dari Selangor," katanya.

Untuk rekod, tarikan produk pelancongan Selangor berjaya menyumbang kepada jumlah kedatangan pelancong seramai 3.48 juta orang dari Januari hingga Jun lalu.

Jumlah itu membabitkan 53 peratus atau 1.86 juta terdiri daripada pelancong domestik manakala 47 peratus atau 1.62 juta adalah pelancong antarabangsa.

Angka berkenaan menyumbang kepada peningkatan tiga peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu.

Perkara ini secara tidak langsung akan membuka peluang lebih luas dalam usaha mempergiat pelan promosi pelancongan bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong domestik khususnya ke Selangor

ABDUL RASHID
EXCO Kebudayaan dan Pelancongan

Hubungan dua hala beri kelebihan

Kerajaan optimis ekonomi tumbuh 4.8 peratus

KUALA LUMPUR - Kementerian Kewangan (MoF) optimis kerajaan mampu mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.8 peratus pada 2020, meskipun berhadapan dengan persekitaran ekonomi global yang mencabar.

Timbalan Menteri, Datuk Amiruddin Hamzah berkata, perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China, situasi di Hong Kong serta Brexit, telah mengurangkan keyakinan pelabur untuk melabur dalam negara ekonomi membangun, justeru memberi kesan kepada ekonomi serantau.

Bagaimanapun, katanya, usaha Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menerusi siri-siri lawatan luar negara, bagi mengukuhkan hubungan dagang dua hala, telah memberi

kelebihan kepada Malaysia untuk menarik pelaburan luar di samping mengembangkan perdagangan.

"Kita harus ambil peluang tersebut untuk memastikan aktiviti perdagangan dengan negara-negara yang dilawati (oleh Perdana Menteri) dapat diteruskan dan dikembangkan lagi.

"(Kita turut) mengalu-alukan pelaburan luar, terutama dari negara ekonomi maju seperti China, AS, Jepun dan Korea," katanya dalam rancangan Bicara Naratif berkenaan Pencapaian MOF Sepanjang 2019 terbitan RTM pada 24 Disember lalu.

Beliau berkata, kerajaan juga telah mengambil inisiatif menyediakan laluan yang lebih mudah dan cepat bagi pelabur luar yang berhasrat untuk melabur di dalam negara.



Amiruddin Hamzah

"Kita (MoF) mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri setiap bulan untuk meneliti dan meluluskan permohonan pelaburan dari luar dengan segera.

"Semoga kelulusan (tersebut) menjadi sesuatu yang direali-

alisasikan, bukan diluluskan semata-mata. Kerjasama dari agensi-agensi dan kerajaan negeri juga akan memudahkan dan menjadikan kelulusan dapat di-realisasikan dengan segera, justeru membawa impak ekonomi yang baik dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya.

Bagi 2019, Amiruddin berkata, kerajaan positif untuk mencapai unjuran KDNK antara 4.3 - 4.8 peratus.

Sementara itu, beliau berkata, paras hutang negara masih berada dalam kedudukan terkawal, dengan kerajaan mempunyai kemampuan untuk melunaskan hutang mengikut tempoh yang telah ditetapkan tanpa menjejaskan aspek ekonomi yang lain.

"Hutang yang kita buat adalah bertujuan untuk melaksanakan

projek-projek pembangunan negara, bukan untuk pelaksanaan operasi seperti membayar gaji dan sebagainya. Buat masa sekarang, paras hutang kita kepada KDNK masih di bawah 55 peratus.

"Apabila KDNK dapat ditingkatkan kelak, had yang diletakkan untuk hutang negara juga akan bertambah besar, jadi kita akan dapat mengekalkan paras hutang di bawah 55 peratus itu," katanya.

Beliau berkata perbelanjaan operasi negara juga kekal positif, di mana hasil yang perolehi melebihi perbelanjaan mengurus.

"Kita hanya perlu meminjam untuk perbelanjaan pembangunan, yang tidak menjadi masalah sekiranya kita mempunyai rekod baik dari pembayaran semula hutang selain perkembangan ekonomi," katanya. - BERNAMA

SKIM AIR DARUL EHSAN

Siapa layak dapat air percuma?

- Warganegara Malaysia menetap di Selangor
- Pendapatan bulanan suami dan isteri RM4,000 dan ke bawah
- Kediaman bermeter air individu
- Pangsapuri kos rendah bermeter pukal perlu pengesahan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC)
- Layak memohon untuk satu akaun atau kediaman sahaja

Di mana ada borang permohonan?

- boleh isi atas talian melalui www.ssipr.selangor.gov.my
- dapatkan borang di www.airselangor.com
- borang juga disediakan di pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

Di mana hantar borang?



Hantar melalui emel iprair@airselangor.com



Serahkan borang di **kaunter pejabat wilayah** Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

DAFTAR SEBELUM
31 DISEMBER 2019
SEGERA



Susulan dakwaan baharu Azilah Hadri

Puluhan disiasat kes Altantuya

KUALA LUMPUR - Puluhan individu akan dipanggil membantu siasatan terhadap Akuan Berkanun (SD) bekas anggota Unit Tindakan Khas (UTK), Azilah Hadri yang mendakwa menerima arahan membunuh Altantuya Shaariibuu daripada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Beliau berkata, saksi dan individu terlibat akan dipanggil dalam masa terdekat dan siasatan berhubung SD berkenaan sedang berjalan.

"Beberapa saksi, individu telah disenaraikan untuk dipanggil bagi merakam kenyataan. Kami akan melaksanakan tindakan jika ada arahan spesifik daripada Jabatan Peguam Negara,"katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis serah terima tugas Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi serta Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti di Mes Pegawai Kanan Bukit Aman, di sini.

Pada 16 Disember lepas, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, polis perlu membuat pengesahan terhadap SD itu sebelum tindakan dibuat.

Azilah yang sedang menunggu hukuman gantung sampai mati di Penjara Kajang, Selangor menuduh Najib yang ketika itu



Timbalan Perdana Menteri dan Razak Baginda mengarahkan pembunuhan wanita Mongolia itu setelah meyakinkannya bahawa wanita berkenaan adalah perisik asing yang mengancam keselamatan negara.

SD itu difailkan bersama dengan afidavitnya untuk mengkaji semula keputusan Mahkamah Persekutuan dan memohon perbicaraan semula.

Najib pada 20 Disember lepas melafazkan sumpah laknat di Masjid Kampung Baru bagi menafikan pembabitannya dalam kes pembunuhan Altantunya. - BERNAMA

Semua lorong tambah nilai PLUS tutup 10 hari

SHAH ALAM - PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan menutup lorong tambah nilai di semua plaza tol di bawah seliaannya mulai 24 Disember hingga 2 Januari ini bagi membantu melancarkan pergerakan trafik sempena cuti perayaan Krismas dan sambutan Tahun Baharu 2020.

PLUS dalam kenyataan pada 23 Disember lalu berkata, penutupan lorong tambah nilai 10 hari itu dilaksanakan sama seperti setiap musim perayaan lain yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di lorong tersebut di semua plaza tol.

"Sehubungan itu, bagi memastikan perjalanan yang lebih selesa, PLUS menasihatkan pelanggan merancang perjalanan masing-masing dan paling utama menambah nilai kad Touch 'n Go lebih awal bagi memastikan baki mencukupi,"katanya.

PLUS memaklumkan perkhidmatan e-dompot PayDirect

di lebuhraya kendaliannya belum dapat digunakan.

Pada musim perayaan ini, PLUS menjangkakan peningkatan jumlah trafik sebanyak 18 peratus kepada 2 juta kenderaan berbanding 1.7 juta kenderaan pada hari biasa.

"Oleh itu, perjalanan di semua plaza tol dijangka terjejas sekiranya masih ada pelanggan yang terkandas dan tidak dapat membuat transaksi tol kerana baki pada kad Touch 'n Go tidak mencukupi. Apabila ini berlaku, ia mengganggu keselesaan dan perjalanan pelanggan lain," katanya.

Bagaimanapun, jelas kenyataan itu, terdapat kira-kira 11,000 pusat tambah nilai kad Touch 'n Go di seluruh negara yang merangkumi mesin pengeluaran wang automatik, pusat rehat dan rawat, stesen minyak, kedai serbaneka, pasar raya dan lain-lain lokasi.

Ambang 2020 @ Kuala Lumpur penuh warna-warni

KUALA LUMPUR - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama Kementerian Wilayah Persekutuan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) akan menganjurkan Program Ambang 2020 @ Kuala Lumpur pada 31 Disember ini.

MOTAC dalam kenyataan pada 23 Disember lalu, memaklumkan program yang akan bermula pada 10 pagi hingga 12.30 tengah malam di Dataran Merdeka itu dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan itu, "Pertunjukan Cahaya di Langit" akan menjadi pertunjukan istimewa, kemuncak untuk Kempen Melawat Malaysia 2020 dalam tempoh 10 minit dengan 11 formasi istimewa menggambarkan keunikan dan keistimewaan Malaysia di ambang 2020 kelak.

Program Ambang 2020 @ Kuala Lumpur merupakan acara khusus sambutan besar-besaran menjelang 2020 dengan gabungan beberapa komponen acara dimulai dengan perasmian Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2019 dan Majlis Pelancaran Video Kempen Nilai-Nilai Murni oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin



Program Ambang 2020 @ Kuala Lumpur merupakan acara khusus sambutan besar-besaran menjelang 2020 dengan gabungan beberapa komponen acara dimulai dengan perasmian Majlis Rumah Terbuka Malaysia Krismas 2019 dan Majlis Pelancaran Video Kempen Nilai-Nilai Murni oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi. Foto BERNAMA

Ketapi, diikuti persembahan "Extravaganza Malaysia Time Capsule" oleh Istana Budaya.

Konsert tersebut akan disertai oleh Datuk Jefrydin (Pop Yeh Yeh), Elvira Mentor (Oldies), Asmidar (Irama Malaysia), Siti Nordiana (Pop Balada) dan Han byul

(Korea). Kenyataan itu turut memaklumkan persembahan aksi rasa kilas (flashmob) akan diadakan di Avenue K, Jalan Ampang, dan di pekarangan Pavilion, Bukit Bintang pada 27 dan 28 Disember ini bagi memeriahkan lagi promosi program terse-

but. Sementara program awalan khalayak pada 31 Disember ini dengan acara interaktif seperti pameran, demonstrasi, permainan kembara budaya (cultural hunt), interaktif masakan warisan dan persembahan sisipan kesenian dan kebudayaan dengan

penglibatan pengunjung tempatan serta luar akan diadakan mulai 10 pagi pada hari itu.

Ini merupakan inisiatif kerajaan dalam memupuk perpaduan dan persefahaman masyarakat pelbagai kaum, menyemarakkan pelancongan negara serta mengetengahkan tradisi menyambut perayaan seperti Krismas.

Selain itu, ia bagi menyemarakkan kempen nilai-nilai murni sebagai salah satu wadah pelancongan, seni dan budaya negara dan menguar-uarkan kepada pelancong akan keramahan dan kemesraan rakyat Malaysia terhadap kedatangan 30 juta pelancong asing ke negara ini, dan dapat meningkatkan perbelanjaan mereka sebanyak RM100 bilion sepanjang 2020, menurut kenyataan itu.

MOTAC juga menasihatkan orang ramai dan pelancong yang ingin menghadiri Program Ambang 2020 @ Kuala Lumpur, agar menggunakan pengangkutan awam seperti transit aliran ringan (LRT), tren KTM komuter, transit aliran massa (MRT), bas Rapid KL dan bas pengantara bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas kerana sepanjang program berlangsung, jalan-jalan utama akan ditutup. - BERNAMA

Iklm ekonomi lemah punca dividen ASB rendah

Azmin: PNB buat yang terbaik

KUALA LUMPUR - Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mempertahankan Permodalan Nasional Bhd (PNB), yang dikritik selepas mengumumkan pembayaran dividen Amanah Saham Bumiputera (ASB) yang terendah sejak ia dilancarkan pada 1990.

Mohamed Azmin berkata, PNB telah melakukan yang terbaik untuk memastikan pendeposit dan pemegang saham mendapat pulangan mereka walaupun iklim ekonomi yang lemah.

"Selain daripada pasaran global dan juga isu tadbir urus sebelum ini, pasukan pengurusan PNB yang baharu telah mencuba yang terbaik untuk memastikan tadbir urus dan kebertanggungjawaban menjadi tonggak dalam pasukan baharu," katanya kepada pemberita di luar Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 di sini, pada 20 Disember lalu.



Mohamed Azmin berkata, kerajaan akan memastikan PNB diurus dengan baik, dengan integriti dan kebertanggungjawaban.

"Kami mahu memastikan PNB diurus dengan telus dan kebertanggungjawaban dan PNB akan

Selain daripada pasaran global dan juga isu tadbir urus sebelum ini, pasukan pengurusan PNB yang baharu telah mencuba yang terbaik untuk memastikan tadbir urus dan kebertanggungjawaban menjadi tonggak dalam pasukan baharu

AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

menjelaskan. Ia melibatkan lebih RM9 bilion dan ia bukan jumlah wang yang kecil," katanya.

Pada 18 Disember lalu, PNB mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.5 sen seunit kepada pemegang unit ASB, terdiri daripada pengagihan sebanyak lima sen dan bonus 0.5 sen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Pengagihan pendapatan bagi tahun ini lebih rendah daripada jumlah pengagihan pada tahun lepas sebanyak tujuh sen seunit.

Jumlah pembayaran bagi pengagihan pendapatan sebanyak RM9 bilion, memberi manfaat kepada 10 juta pemegang unit yang memiliki 167.2 bilion unit, menjadikan jumlah pengagihan pendapatan terkumpul dana itu dan bonus kepada RM152 bilion

sejak penubuhannya pada 1990.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, lebih banyak perbincangan diperlukan untuk mencari rakan strategik bagi Malaysia Airlines Bhd berikutan kerajaan telah menerima beberapa cadangan daripada penggiat serantau dan antarabangsa.

"Kami baru sahaja mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah kami pada 17 Disember dan perkara ini dibincangkan, tetapi cadangan yang dibentangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah itu tidak cukup menarik untuk kami membuat keputusan.

"Oleh itu, perdana menteri, pengerusi dan lembaga pengarah bersetuju bahawa kami perlu melihat pilihan lain sebelum membuat keputusan muktamad," katanya. - BERNAMA

Boleh pilih bawang Pakistan dan China

KANGAR - Pengguna tidak perlu bimbang dengan peningkatan mendadak harga bawang yang diimport dari India kerana boleh membeli bawang dari Pakistan dan China yang jauh lebih murah harganya.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis, Khairul Amin Talib berkata, pemeriksaan terhadap 58 premis di sini mendapati purata harga bawang India di negeri ini meningkat mendadak daripada RM5 sekilogram kepada RM10.93 dalam tempoh dua bulan ini berikutan gangguan bekalan dari negara pengeluar.

Beliau berkata, kenaikan harga bawang besar dan bawang ros (bawang kecil) India berlaku secara mingguan sepanjang awal September hingga Disember ini.

"Namun begitu masyarakat tidak perlu bimbang kerana terdapat alternatif lain dengan membeli bawang yang diimport dari Pakistan atau China yang masing-masing dijual pada harga RM4 sekilogram," katanya kepada media selepas selesai pemeriksaan skim kawalan harga kawalan maksimum musim perayaan Krismas di Pasar Sena di sini, pada 24 Disember lalu.

Khairul Amin berkata, tiada aduan orang ramai terhadap kenaikan harga ini kerana bawang tidak termasuk dalam senarai harga barang kawalan.



Foto: AFP

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 23 kes dibuka kertas siasatan sepanjang tahun ini bagi kesalahan kenaikan harga barang kawalan berjumlah RM28,130.30 dengan RM86,065 nilai rampasan kenderaan serta RM39,200 kompaun yang telah dikutip mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sementara itu, peniaga runcit, K Karan, 47, berkata, beliau hanya mampu mendapatkan stok bawang Pakistan daripada pembekal dan harganya agak murah berbanding bawang India.

"Saya dimaklumkan pembekal buat masa ini memang tiada stok bawang India dan kena tunggu selepas sambutan Tahun Baharu Cina nanti," katanya. - BERNAMA

Didik pengguna keselamatan internet

KUALA LUMPUR - Mendidik pengguna mengenai keselamatan dalam talian di Malaysia menjadi tumpuan Sesi Dialog CFM 2019 anjuran Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 18 Disember lalu.

Pengerusi CFM, Datin Mohana Mohariff dalam satu kenyataan berkata, penganjuran program dengan sokongan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) itu diharap dapat memberikan maklumat penting dan penjelasan mengenai keselamatan dalam talian untuk memupuk budaya pengguna yang berpengetahuan.

"Disebabkan oleh pembangunan teknologi digital dalam sistem pembayaran dan penggunaan e-dompot yang semakin meluas pada hari ini, lebih ramai pengguna memilih untuk menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai.

"Melalui sesi Dialog CFM ini, ia dapat memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai trend semasa ekonomi global yang kini ke arah sistem pembayaran lebih cekap dan pantas serta risiko yang melibatkan penggunaan internet," katanya.

Panel jemputan terdiri daripada pakar-pakar industri termasuk Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, DSP Nur Asrul Ariff; Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohd Muhaimi Mohamad; Bahagi-



an Pemantauan Keselamatan Rangkaian SKMM, Rahmat Abu Nong; Cybersecurity Malaysia, Jazannul Azriq Aripin; Apigate Sdn Bhd, Liong Ang Ling dan Boost e-Wallet, Asyraf Ahmad Suhaibi.

Sesi Dialog CFM kali ini merupakan edisi kedua pada tahun ini yang bertemakan 'Perlindungan Pengguna dalam Era Spam, Penipuan dan Pemalsuan', membincangkan topik-topik mengenai jenayah komersial siber, peranan KPDNHEP dan SKMM dalam melindungi pengguna, langkah untuk kekal selamat dan pembayaran digital.

Melalui sesi dialog yang diadakan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM itu, peserta berpeluang bersoal jawab dan menyampaikan maklum balas mengenai isu berkaitan keselamatan dalam talian di negara ini.

CFM akan sentiasa berusaha menjadi sebuah forum proaktif dan berhubung dengan pengguna secara berterusan melalui pelbagai inisiatif seperti dialog, forum, bengkel, kaji selidik dan program-program kesedaran yang lain. - BERNAMA



Sidang Kemuncak KL 2019

Inisiatif konkrit perkasa umat, tangani sentimen anti-Islam

KUALA LUMPUR - Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 yang berakhir pada 21 Disember lalu, berjaya menghasilkan inisiatif konkrit untuk mengangkat umat Islam dan menangani beberapa kebimbangan masyarakat seperti Islamofobia.

Walaupun terdapat kritikan, Perdana Menteri yang juga pengerusi sidang berkenaan, Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan persidangan empat hari itu bermula pada 18 Disember lalu, dan tegas dengan kepercayaannya bahawa sidang kemuncak itu dapat memberikan sumbangan positif kepada permasalahan membelenggu masyarakat Islam global.

"Kami sekali lagi menegaskan bahawa sidang kemuncak ini tertumpu pada objektifnya mencari penyelesaian dan program yang kami percaya dapat membantu dan akhirnya menyelamatkan ummah daripada penderitaan yang dialami mereka sekarang," katanya pada sesi penutup persidangan itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini.

Pemimpin sealiran dengan Dr Mahathir, turut menyokong beliau dengan menghadiri sidang kemuncak itu termasuk Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani; Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan dan Presiden Iran, Hassan Rouhani serta perwakilan di semua peringkat dari 56 negara Islam.

Bukan sekadar pentas untuk omong kosong, inisiatif-inisiatif yang dihasilkan oleh sidang kemuncak itu akan memberi manfaat kepada ummah dalam bidang seperti teknologi tinggi, kolaborasi media, pusat kecermerlangan penyelidikan saintifik, jaminan makanan serta kepimpinan beliau.

Umat Islam kini berdepan dengan penindasan, pemenjaraan, ditempatkan dalam kem tahanan serta terjejas dengan perang saudara yang mengakibatkan kemusnahan bandar dan negara sehingga mendorong kepada penghijrahan besar-besaran umat Islam ke negara-negara bu-



Tun Dr Mahathir Mohamad (tengah) bersama Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan (kiri) dan Presiden Iran, Hassan Rouhani, bercakap pada Sidang Kemuncak KL di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 21 Disember 2019. Foto BERNAMA

kan Islam.

Umat Islam turut menghadapi peningkatan Islamofobia dan amalan tidak rasional yang melanggar rukun Islam tetapi menyebarkanluaskannya atas nama Islam.

Dr Mahathir tanpa putus asa berusaha menjelaskan bahawa Sidang Kemuncak KL tidak bertujuan untuk mengambil alih peranan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) tetapi berfungsi sebagai kerjasama strategik untuk melengkapi usaha yang dilakukan oleh gabungan negara Islam yang sedia ada, seperti OIC dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Lapan Negara Membangun (D-8).

Sementara itu, para perwakilan yang menghadiri Sidang Kemuncak KL itu memuji perhimpunan ini yang mereka rasakan telah berjaya menghasilkan keputusan yang konkrit dan bukan sekadar cakap kosong.

Prof Dr Umaimah Altijani Mustafa dari University of Khartoum, Sudan, berkata sidang kemuncak ini telah meneliti masa-

lah dan konflik yang menjejaskan negara-negara Islam dan ummah secara keseluruhan dan telah berusaha dengan cara yang sangat ikhlas untuk mencari sebab dan penyelesaian bagi isu-isu tersebut.

"Saya fikir ia akan dapat mengisi jurang yang dihadapi ummah dan akan banyak membantu memperbaiki keadaan Muslim dan cuba memulihkan era kegemilangan umat Islam.

"Seperti yang kita tahu Dr Mahathir adalah seorang pemimpin Islam yang disegani, yang boleh menterjemahkan perkataan kepada tindakan. Justeru, saya percaya Sidang Kemuncak KL akan memainkan peranan yang sangat baik dan besar dalam mengubah keadaan ummah," katanya.

Seorang perwakilan dari Switzerland, Khaldoun Dia-Eddine, yang juga Ketua Bahagian Timur Tengah dan Perniagaan, Universiti Sains Gunaan Zurich, berkata persidangan tersebut memberi isyarat bahawa umat Islam mempunyai keazaman tinggi untuk

mengatasi masalah dan krisis membelenggu mereka.

Beliau berkata, umat Islam di seluruh dunia sedang menanti langkah susulan dalam bentuk tindakan hasil daripada perhimpunan tersebut.

"Sekarang cabaran utama ialah menterjemahkan instrumen yang dimeterai kepada pelaksanaan dan amalan sebenar," kata Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Turki, Dr Haitham Al Haddad.

Dalam pada itu, perwakilan dari United Kingdom, Sirajul Islam, berkata sidang kemuncak ini harusnya dijadikan 'wake up call' (peringkatan) untuk ummah berdiri teguh dan saling membantu terutama mereka yang berdepan dengan ancaman atau bahaya.

"Ia penting kerana ummah perlu bersatu. Jika salah seorang menderita, seluruh ummah perlu turut merasai keperitannya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Solidariti Palestin di Turki, Mohammed Mesheinesh berkata beliau gembira melihat semua pemimpin di sidang kemuncak itu

memperakui isu berkaitan rakyat Palestin dalam ucapan mereka.

"Semua pemimpin ini mahu menangani masalah berkenaan kerana mereka tahu kami rakyat Palestin ingin hidup di negara sendiri, tapi ia sedang dijajah. Mereka faham bahawa ia adalah masalah utama ummah," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerah Perhubungan Luar Jamaat-e-Islami Hind, sebuah pertubuhan Islam di India, Dr Rizwan Rafeeqi, memuji kejayaan sidang kemuncak itu.

"Diharapkan semua resolusi boleh dilaksanakan dan seluruh dunia Islam boleh disatukan dan mendapat manfaatnya. Kami rasa sidang kemuncak ini akan memperkasa semua ummah di India dan di seluruh dunia," katanya.

Pegawai Hamas pula Dr Osama Hamdan berkata sidang kemuncak itu adalah permulaan baik bagi membawa perubahan positif kepada komuniti Muslim, namun mengingatkan bahawa ada banyak perkara yang perlu dilakukan bagi menjayakannya.



Ke Arah Negeri Pintar 2025

Capai gagasan Selangor Maju Unggul

BEBERAPA bulan lagi, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) akan mencecah 10 tahun umur penubuhannya. Saya percaya kewujudan PADAT telah memberikan manfaat yang besar di dalam memelihara dan melestarikan warisan kebudayaan Melayu serta khazanah warisan sejarah di Selangor ini.

Tradisi dan kebudayaan adalah hasil perkumpulan pengalaman dan pemikiran yang panjang yang disebut sebagai *local wisdoms* ataupun kearifan tempatan. Pada hari ini kita dapat melihat kesungguhan golongan muda terutamanya untuk memahami tradisi dan kebudayaan mereka dengan pendekatan yang bersifat intelektual serta pemikiran bukannya sekadar ikut-ikutan.

Oleh kerana itu saya percaya, muzium dan galeri tidak seharusnya berperanan sebagai tempat simpan khazanah sejarah semata-mata tetapi seharusnya menjadi pusat kearifan tempatan yang dapat menonjolkan keunggulan dan kepintaran berkenaan budaya Melayu serta juga warisan sejarah di Selangor.

Saya percaya dengan pendekatan kreatif dan bersifat kontemporari, pelbagai bentuk kearifan tempatan sama ada dalam bentuk tekstil, tarian, musik dan sastera dapat memberikan penghayatan yang mendalam terutamanya kepada golongan muda pada hari ini yang menunjukkan minat mereka dalam soal kebudayaan serta tradisi.

Baru-baru ini juga, sebagai menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asal khusus untuk menjaga kepentingan masyarakat Orang Asal di Selangor.

Saya juga ingin menggesa untuk kita memulakan usaha membawa budaya dan warisan Orang Asal seperti Mah Meri misalnya untuk mendapatkan pengiktirafan daripada UNESCO dan juga didaftarkan sebagai milik eksklusif mempunyai hak cipta tersendiri yang tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak terutama sekali oleh syarikat fesyen antarabangsa.

Perhimpunan ini adalah kali yang terakhir untuk tahun ini sudah tentu amat bermakna kerana kita berada di penghujung 2019. Dalam beberapa hari lagi kita akan melangkah memasuki 2020 yang merupakan tahun yang pernah menjadi tanda aras kepada semangat kolektif rakyat Malaysia untuk mencapai satu cita-cita bersama.

Saya tidak ingin membuat ulasan tentang kejayaan atau kegagalan Wawasan 2020 kerana apa yang lebih menarik bagi saya adalah bagaimana kita memahami sesuatu cita-cita bersama itu dapat memercikkan aspirasi yang bukan kepalang untuk sebuah nusa menggapai kemajuan. Dalam konteks ini saya ingin mengajak kita semua untuk mengemblem tenaga menjadikan aspirasi Selangor Maju Bersama sebagai cita-cita bersama demi mencapai gagasan Selangor Negeri Maju Unggul 2025.

Semenjak saya diberikan amanah sebagai Dato' Menteri Besar, saya dan pasukan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Sudah tentu semua ini tidak akan berjalan dengan sempurna tanpa dukungan pegawai dan anggota perkhidmatan awam Selangor yang komited berpegang kepada piagam perkhidmatan awam iaitu berkhidmat dengan jujur, berintegriti dan profesional.

Alhamdulillah, 2019 memberikan kita kejayaan yang manis antaranya peningka-

tan nilai pelaburan dalam sektor pembuatan di Selangor mencatatkan jumlah sebanyak RM16.4 bilion sehingga September lalu, melebihi sasaran RM10 bilion ditetapkan Kerajaan Negeri.

Tahun lalu, Selangor berjaya mencatatkan pelaburan terbesar sepanjang 30 tahun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM18.9 bilion di sebalik kemelut perang dagang AS-China dan kelembapan ekonomi global.

Ini membuktikan bahawa kestabilan politik dan pentadbiran Selangor, dasar mesra pelabur Kerajaan Negeri dan kemudahan infrastruktur berkualiti tinggi menjadi antara faktor penarik yang berjaya menambat hati pelabur untuk menjadikan Selangor destinasi pelaburan pilihan mereka. Saya percaya jika kita berjaya melaksanakan Dasar Kelulusan 100 Hari tahun hadapan, dijangka akan dapat mempermudah perniagaan, menggalakkan pelaburan dan merancakkan potensi ekonomi negeri.

Kita juga berbangga apabila mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang memberikan anugerah Amalan Terbaik Pengurusan Nilai Perkhidmatan Awam dan juga anugerah Juara Anti Rasuah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 9 Disember lalu. Sudah semestinya kejayaan ini tidak berlaku begitu sahaja tetapi atas usaha berserta muafakat utuh di pelbagai lapisan pentadbiran Kerajaan Negeri. Perubahan yang dilakukan bermula daripada 2008 lagi telah menunjukkan hasil yang membanggakan. Namun saya percaya cabaran di hadapan lebih besar terutama sekali dalam konteks serantau dan global di mana kita dapat melihat saingan jiran-jiran kita yang mula bergerak pantas melakukan perubahan. Saya percaya dengan sikap terbuka dan progresif

di kalangan penjawat awam Negeri Selangor akan membolehkan kita menawarkan perkhidmatan *state-of-the-art* kepada rakyat di Selangor.

Secara peribadi, saya sendiri melihat kualiti penjawat awam di Selangor yang bukan sahaja sentiasa menjadi rebutan oleh negeri lain dan agensi di peringkat Persekutuan tetapi juga pihak swasta. Tidak mustahil dengan integriti dan prestasi yang cemerlang, tidak lama lagi akan ada badan antarabangsa yang mahukan khidmat penjawat awam di Selangor. Kita sering mendengar tentang IR 4.0 di mana penggunaan teknologi menjadi tunjang kepada aktiviti ekonomi dan perindustrian. Bagaimanapun konsep itu mungkin lebih banyak dibincangkan dalam konteks perniagaan dan aktiviti pihak swasta.

Manakala dalam soal pentadbiran dan urusan Kerajaan, konsep yang lebih sesuai adalah Government 2.0 di mana melalui teknologi wujud kolaborasi antara pelbagai agensi kerajaan, pakar dalam pelbagai bidang, NGO dan juga warganegara kebanyakan. Transformasi Government 2.0 ini akan menggalakkan ketelusan, inovasi dan juga penyertaan masyarakat di dalam proses membuat dasar. Saya percaya Selangor yang sedang menuju ke arah Negeri Pintar 2025 perlu meneroka secara serius Government 2.0 kerana dengan inisiatif ini kita akan membuka kepada pelbagai bentuk inovasi di dalam pentadbiran dan dalam masa yang sama meningkatkan kepercayaan rakyat kepada pentadbiran kita.

Ucapan di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang dihoskan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada 16 Disember 2019.



ADN SEMENTA
Daroyah Alwi
Bersama peserta Program Jom Shopping Warga Emas di pasar raya Eonsave, Kapar




ADN BATANG KALI
Harumaini Omar
Menyampaikan sumbangan untuk persatuan dan surau dalam DUN Batang Kali



KIRI
Pelajar ceria menerima sumbangan beg ketika Program Kembali ke Sekolah di Dewan Indian Settlement, Batu Caves
I ASRI SAPPIE



KIRI
Pekerja Indah Water Konsortium membersihkan pembentung di Bukit Mahkota, Semenyih yang menyebabkan pencemaran Sungai Semenyih
I FIKRI YUSOF



KANAN
Sebahagian warga Palestin yang menghadiri Hari Solidariti Antarabangsa bagi menentang keganasan Israel di Putrajaya
I HAFIZ OTHMAN



ADN BALAKONG
Wong Siew Ki
Mengagihkan kalender tahun 2020 di Kampung Baru Batu 11, Cheras



ADN MORIB
Hasnul Baharuddin
Merasmikan Projek Tanaman Kontan 'Kitakan Sekampung' di Kampung Sungai Buaya, Banting



KANAN
Peserta meraikan kejayaan selepas menamatkan program Larian Menjunjung Kasih di Dataran MBPJ, Petaling Jaya
I REMY ARIFIN



KIRI
Pelumba memecut di garisan penamat Tour De Selangor di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam
I FIKRI YUSOF



KANAN
Kanak-kanak menendang bola sambil memakai karung guni ketika sukaneka di Taman Puchong Indah, Puchong
I ASRI SAPPIE



ADN BUKIT MELAWATI
Juwairiya Zulkifli
Menghadiri Battle of PWB DUN Bukit Melawati di Plaza Bowling, Kuala Selangor



ADN SEMENYIH
Zakaria Hanafi
Bergambar bersama pemain pertandingan sepak takraw anjuran 3B Beranang, Semenyih



KIRI
Persembahan tarian ahli Praise Dance Club sempena Sambutan Hari Krismas Peringkat Selangor di Klang
I HAFIZ OTHMAN



KANAN
Anuar Zain membuat persembahan pada Konsert Diraja Malam Bulan Dipagar Bintang di Istana Budaya, Kuala Lumpur
I REMY ARIFIN





Kekal kesihatan, kecergasan diri

Larian Gambut pupuk kesedaran bahaya pembakaran

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kira-kira 100 orang menyertai Program Larian Gambut 2019 di Kampung Johan Setia di sini, pada 22 Disember lalu.

Ahli Dewan Negeri Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, larian berkenaan bertujuan memupuk semangat menjaga kesihatan dan kecergasan diri dengan amalan hidup sihat.

Katanya, peserta juga dapat melihat kawasan belukar seluas 1,618 hektar, selain memberi kesedaran akan bahaya pembakaran di kawasan ini.

"Belukar gambut Johan Setia merupakan kawasan zon pertanian yang menghasilkan tanaman kontan seperti sayuran hijau, ubi kayu, keledak, halia, lengkuas, serai dan sebagainya.

"Di sini juga terdapat nanas jenis Yankee dan Morris yang diusahakan peneroka revolusi hijau sejak sekian lama.

"Bagaimanapun, kawasan ini juga sering terbakar kerana musim panas serta adanya pembakaran terbuka oleh sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab menyebabkan berlakunya jerebu pada tempoh lama," katanya kepada SelangorKini.

Mohd Zawawi berkata, semua agensi berkaitan giat mengadakan kempen kesedaran dan pemantauan berterusan bagi membendung kegiatan pembakaran terbuka di kawasan berkenaan.

"Saya berharap menerusi program sedemikian akan dapat memberi kesedaran awam dan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan berterusan untuk menjaga alam sekitar kita," katanya.



50 pelajar Permatang terima baucar Kembali Ke Sekolah

TANJUNG KARANG - Seramai 50 pelajar di Dewan Undangan Negeri Permatang menerima bantuan sekolah berupa baucar RM100 setiap seorang menerusi Program Back To School (Kembali Ke Sekolah).

Ahli Dewan Negerinya, Rozana Zainal Abidin berkata, sumbangan berkenaan disalurkan Pertubuhan Kebajikan Dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) untuk anak-anak dari keluarga

berpendapatan rendah di kawasan berkenaan.

"Program ini bertujuan membantu golongan berkaitan menyediakan kelengkapan persekolahan anak bagi sesi tahun depan.

"PEKAWANIS banyak membantu masyarakat tanpa mengira kaum dan agama, selain sering tampil menghulurkan bantuan setiap kali musim perayaan serta sesi baharu persekolahan," kata-

nya kepada SelangorKini.

Rozana berharap dengan sumbangan yang disalurkan sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan persiapan sekolah dan menambah keceriaan anak-anak untuk memulakan sesi persekolahan 2020.

"Terima kasih kepada Yang Dipertua PEKAWANIS, Datin Seri Masdiana Muhammad yang menyalurkan sumbangan ini," katanya.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N13 KUANG



Nama:
Sallehudin Amiruddin

Tarikh lahir:
17 Februari 1963

Negeri kelahiran:
Selangor

Status perkahwinan:
Berkahwin

Masakan kegemaran:
Masakan Thai

Pendidikan:
Sedang mengikuti Diploma Kejuruteraan Pengurusan di Universiti Teknologi Malaysia

Aktiviti masa lapang:
Melayari media sosial

Falsafah hidup:
Yakin pada Allah SWT


Pekerjaan sebelum menjadi ADN:
Ahli perniagaan

Alamat pejabat ADN:
Dataran Setia, Lorong Setia 17, Batu 18 Jalan Kundang, 48050 Rawang

No. telefon:
03-6034 4222

E-mel:
mamatsalleh117@gmail.com

Facebook:
Salleh Amiruddin



SMK Jalan Kebun bangunkan projek 'Boxtle Goods'

Bangku menarik hasil sisa botol, kotak

Teks NORHAYATI UMOR

Foto FIKRI YUSOF

LAMBAKAN botol air mineral sehingga mencecah 9,600 sebulan merunsingkan pentadbiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Kebun, Shah Alam.

Kuantiti botol yang banyak ini adalah hasil sikap pelajar yang lebih gemar membeli minuman di pasaran berbanding membawa botol air sendiri dari rumah.

Begitu juga dengan timbunan kotak yang terkumpul setiap bulan menambahkan lagi beban sekolah untuk menguruskan sisa-sisa berkenaan.

Dengan kapasiti 3,300 pelajar, masalah sampah bukan perkara baharu dan ia akan terus merunsingkan pihak sekolah sekiranya tidak diatasi segera.

Bagaimanapun, kolaborasi idea antara guru dan murid berjaya menangani masalah itu dengan membangunkan inovasi 'sisa menjadi guna' dengan menjenamakannya sebagai projek 'Boxtle Goods'.

Menerusi 'Boxtle Goods', lambakan sisa botol dan kotak berjaya diinovasi menjadi bangku makmal yang mampu menampung beban lebih 150 kilogram.

Ia dihasilkan oleh Guru Penyelaras 'Boxtle Goods', Sharafunnisa Omar dan Hanizan Husain, melalui perbincangan dengan Pengetua, Hishamuddin Sirat.

Sementara itu, Hishamuddin berkata, penghasilan bangku menggunakan botol mineral dan kotak



itu sangat berguna dalam membantu sekolah menampung kekurangan bangku makmal.

"Begitu juga dengan masalah kekurangan kerusi dan meja memandang dana yang dimiliki sekolah juga tidak mampu membiayai pembelian bangku makmal kerana harganya mencecah RM90 seunit.

"Oleh itu, kami bertungkus lumus mencuba menggunakan sumber sedia ada bagi mengatasi masalah itu dengan memilih untuk mengitar semula sampah menjadi tempat duduk pelajar," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, inovasi berkenaan bertemakan 'From Waste To Valuables', 'From Waste To Goal' dan 'From Waste To Money'.

**BANYAK TERIMA
TEMPAHAN**

Siapa sangka, inovasi yang mahu mengurangkan masalah dihadapi pihak

sekolah itu kini menjana pendapatan kepada SMK Jalan Kebun. Inovasi itu dilebarkan kepada beberapa produk lain selain bangku makmal seperti meja santai, tiang gegantungan dan beberapa produk lain.

Hishamuddin berkata, sekolah lain di seluruh Selangor mula membuat tempahan untuk produk bangku makmal dan tiang gegantungan.

"Sebenarnya, kita mahu mengajar mereka tetapi mereka pula mahu menempah dengan kita. Idea ini boleh disebarluaskan ke agensi lain, contohnya perpustakaan dan sekolah tadika. Inilah hasil kreativiti guru dan murid dari sampah kepada produk yang bernilai.

"Bila kita hasilkan produk bangku ini dan semua sekolah di Malaysia dapat mengurangkan peruntukan kerajaan. Banyak penjimatan boleh dilakukan. Kami juga dalam proses untuk patenkan produk ini, namun kos agak tinggi," katanya.

Pada masa sama,



beliau turut mengalukan kerjasama pihak swasta dan kerajaan untuk berkolaborasi mengembangkannya lagi idea kitar semula ke peringkat lebih tinggi.

**HANYA RM5 UNTUK
SPAN DAN PITA PELEKAT**

Sementara itu, Hanizan yang juga Guru Kanan Sains dan Matematik berkata, bagi menghasilkan sebuah bangku makmal, pihak sekolah dengan bantuan pelajar menggunakan 15 kotak air mineral dan 10 botol air mineral.

Katanya, setiap kotak akan diletur menjadi lembut sebelum digulung dan disusun secara bertingkat. Manakala botol air mineral diletakkan di bahagian tengah untuk mengukuhkannya selain dililit dengan iklan sepanduk terpakai sebagai hiasan dan bangku menjadi lebih kemas.

"Bangku makmal ini selesai diduduki, ringan, mesra alam dan mudah dihasilkan serta menggunakan kos rendah iaitu hanya RM5 untuk pembelian pelekatan dan span, berbanding bangku makmal yang terdapat di pasaran," katanya.

Kini, sebanyak 80 bangku siap digunakan untuk dua makmal sains SMK itu, sebahagiannya digunakan tahun lalu iaitu ketika idea penghasilannya teretus.

Beliau berkata, pihak sekolah kini giat menghasilkan bangku berkenaan untuk kegunaan bagi memenuhi lapan makmal yang lain.

"Bangku ini kuat dan kita sudah mengujinya dengan berat 158 kilogram, jadi jangan risau kerana ia sangat kukuh," katanya.

**DENDA PELAJAR LEWAT
LEMBUTKAN KOTAK**

Bagi Sharafunnisa yang merupakan kaunselor berpendapat, inovasi itu mampu meningkatkan sikap mencintai alam sekitar dalam kalangan pelajar supaya mereka tahu sampah dibuang setiap hari itu

boleh bertukar menjadi barangan kegunaan harian.

Katanya, usaha sekolah membangunkan inovasi ini juga dapat meningkatkan rasa tanggungjawab dan disiplin pelajar kerana mereka yang merosakkan bangku makmal atau tiba lewat ke sekolah, mereka akan didenda untuk melembutkan kotak.

"Inovasi mudah dihasilkan itu juga meningkatkan kemahiran pelajar untuk membina barangan dan perabot mesra alam menggunakan bahan terbuang di rumah sendiri.

"Menerusi projek ini kita dapat membantu menyelesaikan dua isu yang sering dihadapi hampir setiap sekolah di Malaysia iaitu sampah dan kerosakan bangku makmal.

"Pembangunan inovasi ini meningkatkan inisiatif dan kesedaran warga sekolah untuk melakukan kitar semula bahan buangan sekali gus memastikan kecantikan persekitaran," katanya.


**SATU SEKOLAH GUNAKAN
SEMULA BAHAN TERBUANG**

Bukan hanya bangku, tetapi persekitaran di setiap sudut SMK ini dipenuhi bahan kitar semula.

Gazebo yang menempatkan ruang santai pelajar turut dihiasi bahan kitar semula, antaranya bumbung yang dipasangkan banner terpakai, kerangka kayu, meja daripada kotak terbuang dan penutup botol air turut digunakan untuk bermain dam haji.

Pengetuannya, seorang yang kreatif menghasilkan idea. Malah, beliau turut menggunakan semula besi atau batu bata daripada bangunan yang dipecahkan untuk dijadikan dan didirikan ruangan parkir dan hiasan sekitar sekolah.

"Kami galakkan amalan kitar semula dalam bidang kokurikulum selain menerapkan kepada pelajar walaupun hanya membabitkan sampah, tetapi kita mampu memberi manfaat kepada orang ramai dengan menjadi contoh kepada masyarakat," kata Hishamuddin.





SELANGORKINI terus menjadi wadah sasterawan khususnya golongan muda menyampaikan luahan kreatif mereka. Lebih 500 karya diterima tahun ini termasuk dari luar negara.

Seramai sembilan ahli panel juri menilai lebih 100 karya yang diterbitkan dalam tiga kategori iaitu cerpen, esei dan sajak.

Berikut adalah rumusan penilaian panel juri Hadiah Sastera Selangor 2019 yang disediakan oleh ketuanya, **FAISAL TEHRANI**.

CERPEN

Penganjur menyerahkan 42 cerpen kepada juri untuk dibaca, dinilai dan disaring bagi mencari pemenang utama dan empat lagi hadiah penghargaan.

Cerpen-cerpen itu dari segi gubahannya hampir sama iaitu memberi penekanan kepada aspek bentuk dan struktur cerpen (eksperimental), membawa mood urban-kontemporari, melagakan kerangka falsafah atau menukangi cerita tentang aspek pengkaryaan itu sendiri.

Namun demikian, juri bersependapat mutu karya merosot berbanding tahun lalu kerana secara umum kebanyakan karya kurang masak ideanya. Satu hal yang kekal aneh buat tahun ketiga berturut-turut, juri mengesani banyak cerpen menampilkan kucing sebagai props, watak, subjek dan alat alegori pada tahun ini.

Suatu keunikan karya-karya di Selangor-Kini ialah pengarang ralit bermain dengan pendekatan absurd seperti yang ternampak dalam karya tahun-tahun 1980-an. Seperti tahun lalu, kritikan sosial ini kadang-kala dihadirkan terlalu berlambang dan pengarang terbawa-bawa bermain dengannya sehingga tujuan utama yang ingin dikemukakan tercapah. Terdapat juga sejumlah cerpen dengan pendekatan satira yang agak memikat, segar dan menonjol. Jumlah cerpen realisme adalah kecil manakala cerpen-cerpen Islami pula gubahannya terlalu simplistik.

Juri berpendapat sesetengah cerpen masih memiliki kelemahan yang rata-rata sama iaitu idea yang kurang diperam. Sebuah cerpen yang baik juga perlu utuh dari segi rukun dan imbalan komponen karya. Malangnya, terdapat cerpen yang begitu baik tetapi disebabkan penghujungnya meleret dan lewah, ia dialahkan oleh cerpen-cerpen lain yang lebih sederhana tanpa kecuaihan dan kelemahan ketara. Secara keseluru-

Panel juri rumuskan kualiti cerpen merosot

Mutu esei dan sajak makin baik



Dato'Seri Amirudin Shari bersama pemenang Hadiah Sastera Selangor

Ketua juri Faisal Tehrani membentangkan rumusan

Dato' Menteri Besar beramah mesra dengan barisan juri



hannya, yang membezakan kualiti karya tahun ini antara satu sama lain ialah usaha penulis memanipulasi teknik dan strategi penceritaan; selain penggunaan bahasa yang rapi dan kukuh.

Antara 42 karya, pengarang di Selangor-Kini ternyata peduli realiti dan masalah zaman meskipun suara karyawan itu kadangkala hadir dengan nada pesimistik. Antara isu hari ini yang terangkat adalah polisi pemerintah Malaysia Baharu, pedofil, sikap putus asa terhadap parti-parti politik, penderaan anak-anak, keganasan rumah tangga, pembangunan tidak terancang dan di celah-celah itu terdapat pula karya dengan tema cinta antara dua darjat dan pertembungan aneka gagasan falsafah. Satu dua cerpen dengan gaya cereka Islami menambah rencah saingan Hadiah Sastera Selangor kali ini. Cerpen-cerpen juga dipengaruhi medium seni lain khususnya filem, anime, muzik dan catan.

Seperti tahun-tahun terdahulu, cerpenis di SelangorKini menikmati medan udara bersih untuk bersuara berikutan campur tangan editor adalah minimal dan pengarang tidak terikat dengan nilai moral atau stail rumah penerbitan tertentu.

Setelah berbincang, juri menyenarai 12 cerpen untuk dibahaskan dari semua sudut. Karya-karya tersebut adalah "Keanehan yang membakar", "Perempuan

yang tidak ada", "Bergayutan keresahan di kelopak mata", "Kotak Haji Amin", "Pasta kasanova", "Percakapan ketika mandi", "Maca Nembrina", "Pasca percintaan", "Kerusifiksyen: Tentang mengarang cereka di atas kerusi", "Hari itu, politik cuti sakit", "Lili" dan "Untuk serasi, kau tak perlukan wajah yang molek".

Proses saringan kedua untuk senarai pendek karya terpaksa dilakukan secara undian memandangkan kecenderungan, kerangka pilihan dan cita rasa juri berbeza. Harus dinyatakan, majoriti juri tidak membaca karya itu ketika ia diterbitkan. Mereka tidak mengenali pengarang-pengarang tersebut. Justeru, juri tidak dipengaruhi oleh gaya penulisan, mazhab kepengarangan, gender ataupun kaum.

Setelah perbincangan mendalam, panel juri memutuskan untuk memilih "Pasca percintaan" sebagai penerima pemenang utama. Hadiah-hadiah penghargaan pula diberi kepada pengarang cerpen "Kerusifiksyen: Tentang mengarang cereka di atas kerusi", "Hari itu, politik cuti sakit", "Lili", "Untuk serasi kau tak perlukan wajah yang molek".

Cerpen "Pasca percintaan" adalah karya satira yang mengisahkan polisi larangan merokok di tempat awam. Juri merasakan tujuan karya itu dapat dikesani. Penghujung karya sendiri adalah sebuah permulaan untuk sebuah karya seni yang lain. Pengarang juga menampilkan simbol yang menarik iaitu watak rokok yang dihadirkan berasa terancam oleh watak pemetik api, femme fatale, seorang perempuan pemusnah. Sebagai cerpen mikro atau mini, cer-

pen tersebut memiliki isu yang dapat dipegang, olahan yang baik, dan subjek cerpen tersebut berjaya diketengahkan dalam jumlah perkataan terhad.

Saingan rapat cerpen "Pasca percintaan" adalah "Kerusifiksyen: Tentang mengarang cereka di atas kerusi". Cerpen itu kuat dari segi pemilihan kata-kata dan pengarang berjaya menguasai bentuk. Ia mengisahkan watak pengarang yang berada dalam dilema ketika berkarya. Namun, karya itu terkesan terlalu abstrak dan meletakkan majoriti juri dalam keadaan meraba-raba akan sebab-musabab ia ditukangi.

"Hari itu, politik cuti sakit" mendapat perhatian juri kerana ia sebuah satira yang boleh dihubungkan dengan isu semasa iaitu sikap sesetengah generasi muda yang menjauhi politik dan non-partisan. Selain merakam sejarah pilihan raya yang mengesahkan keputusannya pada 2018, penceritaannya lancar dan mengalir. Cerpen itu meskipun tampil sederhana tetapi menyerlah berbanding karya lain kerana semua komponen cerpen adalah berimbangan dan tidak terlihat kelemahan ketara.

Sebuah cerpen lain yang juga tidak ada kelemahan ketara adalah "Lili" yang mengingatkan juri kepada cerpen "Kucing non-partisan", karya tahun lalu. "Lili" mengisahkan seekor anak kucing yang mati muda, kemudian mengalami penjelmaan semula dalam bentuk wanita yang menonjol. Cerpen itu menarik kerana terdapat elemen kejutan iaitu terselit misteri yang sesungguhnya mesti ada pada setiap cerpen mikro. Karya tersebut juga dihiasi pemilihan kata yang segar dan cukup visual.

Cerpen terakhir adalah "Untuk serasi, kau tak perlukan wajah yang molekul". Ia mengisahkan pertanyaan mengenai tradisi oleh seorang watak yang adiknya melangkah bendul. Seperti cerpen-cerpen penghargaan lain, karya itu diolah sederhana dan tidak menampakkan mana-mana aspek kecacatan ketara.

ESEI

Secara umum, penyertaan pada tahun ini menunjukkan peningkatan. Pertama, dari segi jumlah terdapat 20 penyertaan esei diterima untuk dinilai. Kedua, dari segi kualiti juga terdapat peningkatan dari tahun lalu. Akan tetapi, peningkatan tersebut, kadar perbezaannya agak kecil.



Juri mendapati masih terdapat banyak kelemahan yang dilakukan penulis esei. Secara ringkas, kelemahan yang dapat dilihat pada esei-esei yang dinilai pada tahun ini adalah: Penulis masih sangat terikat dengan 'rukun' penghasilan esei seperti yang difatwakan di sekolah. Misalnya, setiap tulisan wajib ada pembukaan/intro, diikuti isi pertama, isi kedua dan seterusnya, dan penutup. Ini menjadikan esei kaku, dan tidak menarik manakala dari segi penutup, esei yang sampai kepada juri gagal memberikan penyelesaian atau kesimpulan mengenai apa yang ingin disampaikan.

Selain itu, terdapat juga kelemahan dari segi lewah dan syok sendiri. Hal ini sangat ketara pada beberapa esei. Misalnya, hal yang mudah sengaja disusahkan. Penjelasan yang lurus sengaja dibengkokkan-bengkokkan konon untuk menjadikan ia tulisan yang berseni. Lebih malang, ada penulis yang terasa seperti bijak apabila menggunakan beberapa perkataan yang langka tetapi malangnya ia terasa dipaksa-paksa, dan membawa maksud yang 'sesat'. Tidak dapat dikesan kesatuan idea yang mantap. Kebanyakan penulis cenderung bersandar kepada nama-nama tertentu dan petikan-petikan tertentu. Dalam sesetengah keadaan, ia dirasakan tidak relevan.

Satu hal lain ialah pengarang esei masih tertumpu kepada ulasan filem, buku, atau karya seseorang dan ia mungkin tidak memberi manfaat yang banyak kepada pembaca, kecuali sege-lintir kecil. Ada beberapa esei juga menulis tentang majlis seni/budaya sedangkan ia sepatutnya esei yang berbentuk semasa dan menyentuh kepentingan majoriti masyarakat.

Harus diingat, sesuatu esei ditulis dengan sebab dan keperluan. Ia sepatutnya membawa bersama gagasan atau idea baru dan segar. Dalam erti kata lain maklumat yang ingin disampaikan wajar dapat dikongsi dengan pembaca. Pembaca memperoleh sesuatu selepas selesai membaca, bukannya terkapai-kepahi mencari apa yang ingin disampaikan penulis.

Dalam pada itu, juri juga mendapati terdapat esei yang menarik untuk penerbitan tetapi kurang sesuai untuk dinilai. Misalnya, esei berbentuk transkripsi. Pun begitu ada beberapa peningkatan yang menarik pada esei yang dinilai. Misalnya, esei yang menjadi pemenang utama membawa idea yang segar dan kontemporari namun masih berakarkan tradisi.

Penulis yang terpilih sebagai pemenang juga berjaya menyampaikan gagasan dengan jelas, lancar dan sesekali bersahaja. Ia menjadikan tulisan mereka tidak menjemukan.

Sebagai cadangan, juri berpendapat SelangorKini wajar mencari jalan untuk menggalakkan lebih ramai penulis menghantar esei berkualiti. Mereka juga perlu difahamkan bahawa ulasan yang diperlukan bukanlah semata-mata mengenai buku, filem, sastera dalam bentuk yang jumud.

Esei yang diperlukan ialah tulisan mengenai hal-hal seni atau budaya yang segar dan semasa. Ia perlu mengikut perubahan dan bukan lagi berkisar mengenai misalnya – A Samad Said, Usman Awang, WS Rendra, Mohd Affandi Hassan semata-mata. Juri menggesa penulis agar berani keluar dari kepompong yang telah lama mengikat mereka.

Setelah perbincangan menda-

lam, kami memilih esei "Evolusi peribahasa, dari unsur alam ke teknologi" sebagai pemenang utama manakala hadiah penghargaan pula ialah "Kompleksiti Cinderella kental dalam novel popular".

"Disiplin kritikan dan sikap penulis", "Realisme magis dalam pencerekaan Azrin Fauzi" dan "Menuang puisi tidak semudah bermain domino".

SAJAK

Sebanyak 44 sajak dikemukakan kepada untuk dinilai bagi tahun ini. Lima karya yang terpilih menjadi pemenang dipilih daripada 17 sajak yang disenarai pendek.

Mutu sajak pada tahun ini umumnya baik tanpa ada sajak yang terlalu lemah seperti tahun lalu. Jurang antara karya yang bagus dan tidak bagus juga tidak terlalu jauh. Barangkali ini menunjukkan SelangorKini berjaya menarik lebih banyak pengkarya yang tekun menulis sajak.

"Sajak untuk sebuah Mei" dipilih sebagai pemenang utama atas pertimbangan kekuatan seni, wacana, pengucapan dan pemilihan kata yang segar, spontan dan tidak dipaksa-paksa, gagasan yang jelas dan penggunaan perlambangan yang menarik serta tidak klise. Pemilihan ungkapan yang segar dan bermakna, misalnya ditemukan pada bahagian ini yang menghasilkan pengalaman membaca yang segar: "... dan kita pun mengukir arca; buat mengenang poster dan pamflet; tanda yang terbangun dari impi anak manusia".

Sajak itu mencabar daya imajinasi dan pemikiran dengan ungkapan yang mempunyai daya kejut. Penggunaan perlambangan

yang segar juga menjadikan sajak ini terkehadapan berbanding sajak lain. Gaya penceritaan sajak pula dapat dinikmati menerusi jalinan diksi yang cermat tetapi terasa bersahaja.

Empat sajak lain yang diberi hadiah penghargaan iaitu "Catatan yang direnyuk ke dalam kasut seorang politikus", "Hujan, bagimu bau. Dan bagiku pemuzik yang menukik kepalaku", "Kemarau di hujung waktu" dan "Perempuan, sihirku" mempunyai kekuatan setara dengan menawarkan nilai puisi yang tidak kurang tingginya.

Rata-rata puisi mempunyai kekuatan tersendiri dengan menampilkan kepelbagaian tema dan kawalan bahasa dan diksi yang tersusun baik. Suatu perkara yang menarik perhatian ialah kebanyakan sajak mempamer kemampuan penyajak untuk meluahkan gejala rasa terhadap perkembangan sosial dan politik semasa secara matang menerusi persembahan yang halus dan berseni.

Setelah perbincangan yang melelahkan, juri memutuskan "Sajak untuk sebuah Mei" sebagai pemenang utama manakala hadiah penghargaan pula ialah "Catatan yang direnyuk ke dalam kasut seorang politikus", "Hujan, bagimu bau. Dan bagiku pemuzik yang menukik kepalaku", "Kemarau di hujung waktu" dan "Perempuan, sihirku".

RUMUSAN

Panel juri ingin memberikan kredit kepada SelangorKini, kerajaan negeri Selangor dan editor yang bertungkus-lumus membangunkan karya sastera, fiksi dan non fiksi tanpa sebarang prejudis. Juri juga bersepakat menganjurkan SelangorKini untuk terus mengasuh pengarang-pengarang sedia ada dengan program berbentuk bengkel agar kualiti kerja para sasterawan masa hadapan semakin membaik.

Semoga usaha berterusan ini akan terus diberi perhatian dan sokongan.

AHLI PANEL: Wan Nor Azriq Wan Mokhtar, Sayidah Mu'izzah Kamarul Shukri, Al-Mustaqeem Mahmod Radhi, Jimadie Shah Othman, Rozlan Mohamed Noor, Al-Abror Mohd Yusuf, Noor Azam Shairi dan Ku Seman Ku Hussain.



Mulai tahun depan di MBSA

Tiada lagi 'khemah kalah perang'

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Khemah niaga di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan diseragam bagi melahirkan imej lebih segar bermula 2020.

Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Haris Kasim berkata, berbanding masa kini, masih terdapat khemah penjaja yang tidak terurus dan boleh diumpama seperti 'khemah kalah perang'.

"Peringkat permulaan kita wajibkan (seragam) ke atas peniaga bazar Ramadan di 31 lokasi ditetapkan MBSA kemudian kita seragamkan khemah niaga di pasar malam dan pasar pagi.

"Kita tidak mahu ada ma-



cam-macam khemah hingga khemah orang 'kalah perang' pun ada," katanya pada sidang media program Kempen Kepenggunaan

dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MMBSA di Wisma MBSA di sini, pada 19 Disember lalu.

Haris berkata peniaga yang membeli khemah di peringkat awal akan menerima potongan 50 peratus, iaitu RM100 berbanding harga sebenar RM200.

Bagaimanapun, katanya MBSA masih mengkaji jenis dan warna khemah yang akan ditetapkan.

"Antara faktor utama yang diambil kira MBSA dalam penguatkuasaan langkah ini adalah kos yang akan ditanggung peniaga.

"Selain itu, ia juga mampu mencerminkan imej lebih baik di mata orang ramai termasuk pelancong asing," katanya.

1,748 lot tapak bazar Ramadan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan 1,748 lot tapak bazar Ramadan di 31 lokasi di bandar ini pada tahun depan.

Datuk Bandar MBSA, Dato' Haris Kasim berkata, permohonan tapak dan permit perniagaan boleh dibuat dalam talian dengan melayari laman sesawang MBSA bermula 1 hingga 31 Disember ini.

"Pemohon hanya perlu memuat naik dokumen yang diminta semasa melakukan permohonan," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019 di Wisma MBSA di sini, pada 19 Disember lalu.

Selain itu, katanya, MBSA turut mengambil inisiatif meng-

galakkan penyewa gerai, pasar atau kiosk terbabit untuk menjelaskan bayaran sewa premis perniagaan masing-masing secara pukal.

Katanya, penyewa yang membayar sewa secara pukal akan diberikan ganjaran berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Tempoh pelaksanaan kempen ini bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2020.

Pasar bawah MPSJ berwajah baharu

SUBANG JAYA - Landskap pengurusan pasar malam dan pasar pagi di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) melalui perubahan drastik selepas hampir empat tahun penubuhan Ahli Jawatankuasa Penyelarasan dan Penggerak (J3P).

Pengarah Pelesenannya, Muhammad Azli Miswan berkata, perubahan itu dilihat dari aspek pengurusan kebersihan, kawalan perniagaan, keselamatan dan pembangunan usahawan penaja kecil.

"Sejak ahli J3P bersama kita, penyusunan pasar malam lebih teratur selain penggunaan khemah yang seragam. Paling penting, kita berjaya mengurangkan kos pengurusan membabitkan keperluan asas seperti bayaran pembersihan kepada kontraktor.

"Malah, keselamatan pengunjung lebih terjamin kerana kawasan pasar dikawal rapi anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia yang dibiayai sendiri melalui wang kutipan.

"Ahli J3P juga mengawal selia kemasukan peniaga haram yang tidak berlesen dengan ketat," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Pengiktirafan dan Penyampaian Anugerah J3P MPSJ Bagi Tahun

2018/2019 yang disampaikan Yang Dipertuanya, Noraini Roslan di Laman Kenangan MPSJ di sini, pada 23 Disember lalu.

Edisi kedua pertandingan itu menyaksikan tujuh anugerah merangkumi dua kategori utama iaitu individu (Anugerah Khas Kepujian, Anugerah Kecemerlangan dan Anugerah Khas Pengerusi) dan kumpulan (Anugerah Khas Kecemerlangan, Anugerah Pasar Malam Terbaik, Anugerah Pasar Pagi Terbaik dan Anugerah J3P Terbaik).

Kesemua 46 ahli dipilih berdasarkan penilaian kriteria seperti usaha ditonjolkan, kerjasama antara ahli pasukan, kepatuhan undang-undang, kejayaan pelaksanaan program serta proaktif, inovatif dan kreatif.

Mengulas lanjut, Muhammad Azli berkata, pengiktirafan itu sebagai menghargai penglibatan ahli yang banyak menabur khidmat bakti sepanjang tempoh berkenaan.

"Kalau dulu hanya PBT bertanggungjawab menguruskan pasar malam, peniaga tidak ambil peduli tentang apa yang berlaku.

"Kita akan terus mengekalkan jaringan kerjasama ini dengan peniaga bagi mengangkat standard pasar malam ke tahap lebih tinggi.

300 kanak-kanak terima angpau Krismas

KLANG - Seramai 300 kanak-kanak dan lima pertubuhan menerima sumbangan sempena sambutan Hari Krismas yang diraikan pada 25 Disember ini.

Timbalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Elya Marini Darmin berkata, sumbangan disalurkan kepada penganut Kristian bagi membantu golongan kurang kemampuan.

"MPK memperuntukkan RM2,500 kepada pertubuhan kebajikan manakala angpau berkenaan pula bertujuan untuk mengembirakan hati kanak-kanak berkenaan.

"Dengan sumbangan disalurkan diharapkan dapat membantu meringankan beban golongan berkaitan bagi meraikan sambutan Hari Natal," katanya.

Beliau berkata demikian pada

Majlis Mesra Krismas bersama warga MPK 2019 di Mini Auditorium Sultan Abdul Samad di sini, pada 20 Disember lalu.

Sumbangan berkenaan disampaikan Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor, Dr Daroyah Alwi.

Lima pertubuhan itu ialah Pertubuhan Kebajikan Wanita dan Keluarga Abundant ARK, Waja Home, Rumah Anak Yatim Berkat Kasih, Suria Pagi dan Rakan Lutheran.

Mengulas penganjuran perayaan Krismas bersama warganya itu, Elya berkata, ia merupakan program julung kali diadakan.

"Saya berharap menerusi program ini, ia dapat memberi suntikan semangat untuk meneruskan tahun depan yang dijangka lebih mencabar," katanya.





Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan (tengah) bergambar bersama penerima selepas Majlis Pengiktirafan dan Penyampaian Sijil Anugerah J3P MPSJ 2018/2019 di Ibu Pejabat MPSJ, Subang Jaya pada 23 Disember 2019

Tarik lesen jika langgar syarat

Peniaga ingkar boleh buat rayuan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SUBANG JAYA - Penjaja pasar malam dan pasar pagi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) diingatkan supaya sentiasa mematuhi undang-undang bagi memastikan kelancaran pengurusan serta program yang sudah dirancang.

Pengarah Pelesenan MPSJ, Muhammad Azli Miswan berkata, sebarang unsur sabotaj terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) itu termasuk memalsukan beberapa isu dan nama peniaga lain bagi tujuan salah perlu dielakkan.

"Setiap perubahan dibuat kemungkinan tidak dilihat semua pihak, bagaimanapun hanya segelintir sahaja tidak menyokong atau bersetuju dengan setiap pendekatan dilaksanakan.

"Pihak terlibat (peniaga ingkar) sebenarnya tahu rintangan yang kita hadapi, tetapi kita bersikap terbuka dalam menangani hal ini. Disebabkan itu, Ahli Jawatankuasa Penyelaras Penggerak Peniaga (J3P) dilantik kerana kita mahu

mendengar maklum balas daripada peniaga.

"Peniaga diberi peluang untuk berinteraksi dan memberi maklumat memandangkan kita mahu menjadikan suara peniaga sebahagian daripada pengurusan dalam pentadbiran pasar malam," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Pengiktirafan dan Penyampaian Sijil Anugerah J3P MPSJ Bagi Tahun 2018/2019 yang disampaikan Yang Dipertuanya, Noraini Roslan di Laman Kenangan MPSJ di sini, pada 23 Disember lalu.

Terdahulu, Muhammad Azli diminta mengulas berhubung laporan tujuh peniaga dari dua pasar malam di Taman Bukit Kuchai, Puchong dan Sri Serdang, Seri Kembangan yang dibatalkan lesen perniagaan selepas dikesan mendapatkan tandatangan peniaga untuk menghantar memorandum tanpa memaklumkan untuk tujuan apa.

Memorandum itu antara lain meliputi bantahan mereka berkaitan usul dibuat persatuan peniaga

di situ seperti kutipan dana dan penyusunan petak niaga selain didakwa menghasut peniaga lain supaya tidak mengikut peraturan ditetapkan PBT terbabit.

Mengulas lanjut, katanya, enam daripada peniaga bermasalah yang dikenakan tindakan pembatalan lesen niaga itu sudah diberi semula permit bagi menjalankan operasi perniagaan masing-masing.

Beliau berkata, pihaknya mempertimbangkan pemulangan semula lesen itu selepas rayuan di-buat kesemua peniaga berkenaan.

"Sebenarnya, terdapat banyak peniaga dikenakan tindakan penarikan lesen sebelum ini tetapi diberikan semula selepas rayuan dibuat dan patuh syarat misalnya peniaga yang menggajikan pekerja asing.

"Kita bukan mahu menzalimi sesiapa, sebaliknya meningkatkan kefahaman mereka bawa setiap peniaga perlu ikut arahan dan undang-undang ditetapkan," katanya.

200 pelajar terima bantuan sekolah

SHAH ALAM - Seramai 200 pelajar dari lima Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selangor (MPS) menerima bantuan kelengkapan sekolah sempena 'Program Ceria Kembali Ke Sekolah' pada 19 Disember lalu.

Kesemua pelajar terpilih memabitkan DUN Rawang, Sungai Tua, Kuang, Taman Templer dan Gombak Setia, masing-masing menerima sumbangan beg, baju sekolah serta alat tulis di Pasaraya Mydin Subang Jaya.

Pengarah Jabatan Korporat MPS, Mohamad Zin Masoad berkata, acara tahunan itu mendapat kerjasama daripada Jabatan Perpaduan Gombak, Jabatan Khidmat Masyarakat Gombak, QSR Brand termasuk pasar raya terbabit.

"Program ini bertujuan menyampaikan bantuan persekolahan kepada anak-anak kurang

berkemampuan seperti anak yatim, golongan asnaf dan anak-anak daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Malah, ia bagi meringankan bebanan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh golongan kurang berkemampuan dalam menguruskan kehidupan seharian mereka," katanya dalam kenyataan pada 20 Disember lalu.

Terdahulu, program disempurnakan Yang Dipertua MPS, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor dan dihadiri Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Azmi Ismail termasuk beberapa wakil daripada rakan kerjasama.

"Kita berharap program ini dapat membantu meringankan beban pelajar sekolah yang kurang berkemampuan seterusnya meningkatkan motivasi untuk mereka meneruskan sesi persekolahan pada 2020," katanya.

Replika kapal Bugis dinaik taraf

PELABUHAN KLANG - Replika kapal Bugis yang menjadi mercu tanda Pantai Tanjung Harapan akan dinaik taraf dengan kos kira-kira RM1 juta pada 2020.

Ahli Majlis Perbandaran Klang (MPK), Kamaruzaman Adnan berkata, kos itu termasuk membaik pulih kemudahan infrastruktur di kawasan berdekatan.

"Sebolehnya MPK dan Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Selat Klang mahu lokasi berkenaan menjadi tarikan dalam kalangan pelancong yang datang ke Selangor terutama Pelabuhan Klang.

"Apabila mercu tanda ini kembali pulih, mungkin ada pelancong tempatan mahupun luar yang datang beranggapan tidak lengkap percutian mereka jika tidak bergambar di sini," katanya kepada SelangorKini yang ditemui pada

Karnival Pentas Lokal di sini, pada 22 Disember lalu.

Kamaruzaman berkata, replika itu pernah dibakar sebanyak dua kali oleh individu tidak bertanggungjawab yang dipercayai menggunakan kapal berkenaan sebagai tempat tinggal.

Katanya, kejadian itu berlaku ekoran tiada penjaga yang memantau sehingga menyebabkan mercu tanda berkenaan menjadi mangsa vandalisme.

"Oleh itu, dalam perancangan MPK kita akan melantik penjaga untuk memantau mercu tanda berkenaan selepas kerja naik taraf siap dilakukan.

"Kerja ini perlu dilakukan kerana Tanjung Harapan menjadi tumpuan acara besar termasuk sambutan ambang tahun baharu," katanya.





Tidak sangka menang Kejohanan Cef Sedunia

Anak Selangor gondol 17 pingat



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Anak kelahiran Sungai Buloh, Danish Adham Nuqman Soon, 17, mengejutkan juri apabila merangkul 17 pingat termasuk tujuh emas dalam semua kategori masakan yang dipertandingkan pada Kejohanan Cef Sedunia: Produk Berasakan Tani di Stadium Sultan Abdul Halim, Kedah, baru-baru ini.

Remaja yang sedang menjalani kursus Seni Kulinari di Kolej Vokasional Langkawi itu, merebut tujuh pingat emas termasuk satu pingat Emas Cemerlang, sembilan perak dan satu gangsa menerusi 17 kategori jenis masakan ditandinginya.

Kemenangan anak Selangor

itu sekaligus membolehkan Danish meraih piala 'Outstanding Hot Cooking Chef' pada kejohanan yang berlangsung pada 13 hingga 15 Disember lalu.

"Tak sangka saya menang dalam semua kategori yang saya masuk. Saya hanya berniat untuk mencari pengalaman memandangkan ini pertandingan antarabangsa.

"Tetapi pada pertandingan ini juri juga terkejut melihat saya berulang-kali naik pentas untuk menerima 17 pingat," katanya.

Dengan kemenangan ini, katanya, ia sudah tentu meningkatkan semangatnya untuk mengejar cita-cita bergelar cef selebriti kelak.

Danish berkata, dia mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa, keluarga dan pensyarah ser-

ta rakan-rakan.

"Kejayaan ini cukup manis buat saya memandangkan saya antara peserta muda pada kejohanan ini.

"Saya mula menyertai pertandingan masakan sejak di bangku sekolah. Jadi, saya berpendapat peluang menang pada kejohanan ini hanya 50-50 berikutan pesaing adalah cef hotel serta cef master," katanya.

Danish memenangi Emas Cemerlang melalui masakan 'Chicken Chop', manakala enam lagi pingat emas dikutip menerusi kategori Kuih Nyonya, Nasi Goreng, Char Kuey Teow, Salmon, Ayam Rendang dan 'Western Breakfast'.

Acara itu menampilkan 81 jenis masakan dan diadili 69 juri profesional dari dalam dan luar negara.

Pelajar miskin dapat komputer percuma

SUBANG JAYA - Penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Nur Hidayah Ibrahim sangat bersyukur apabila menerima komputer riba percuma daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), pada 23 Disember lalu.

Gadis berusia 22 tahun berkata, pemberian itu sekali gus meringankan beban emaknya yang juga ibu tunggal dan hanya bekerja sebagai pengasuh kanak-kanak. "Sebenarnya, sudah lama saya minta emak belikan komputer baharu kerana pengajian dalam bidang pentadbiran perniagaan memerlukan komputer riba untuk membuat tugas diberikan pensyarah.

"Tetapi pembe-liannya terpaksa ditangguhkan kerana wang tidak mencukupi, tambahan lagi adik saya juga sedang menyambung pengajian pada peringkat diploma," katanya kepada Selangor-Kini.

Bagaimanapun, Nur Hidayah berkata, dia tidak sangka MPSJ menghadihkan komputer riba buatnya.

"Saya sangat gembira dan berterima kasih kepada pihak MPSJ," katanya.

Anak sulung daripada empat beradik itu berkata, sebagai kakak beliau mahu menjadi pelajar cemerlang sekali gus membantu keluarganya.

"Ayah meninggal dunia ketika saya berumur 16 tahun dan sejak itu emak menanggung kami adik-beradik. Jasa emak sentiasa saya ingati," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penerima sumbangan, Nur Aina Syahirah Abdul Rahim, 22, pula berkata, dia amat memerlukan komputer riba bagi menyelesaikan tugas pengajian dalam jurusan Sistem Maklumat Pengkomputeran Perniagaan di UiTM Terengganu.

"Ayah bekerja sebagai pemandu lori dan saya juga tidak mahu menyusahkannya kerana dia mempunyai banyak komitmen lain.

"Alhamdulillah berkat kesabaran, akhirnya saya menerima komputer riba secara percuma daripada MPSJ, terima kasih tidak terhingga saya ucapkan," katanya.

Kedua-dua penerima komputer riba itu ditemui selepas Majlis Penyerahan Sumbangan Komputer Riba Tabung Amal MPSJ oleh Yang Dipertuanya, Noraini Roslan bertempat di Ibu Pejabat MPSJ di sini.

Pada majlis itu, 13 pelajar daripada komuniti B40 iaitu golongan isi rumah berpendapatan rendah di bawah pentadbiran MPSJ, terpilih menerima komputer riba jenama Lenovo fan HP hasil daripada penubuhan Tabung Amal MPSJ.



Syarahan maritim manfaat warga UNISEL



SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) menerusi Fakulti Perniagaan dan Perakaunan menganjurkan Syarahan Perdana bertajuk 'Selangor As Maritime Getaway To The World', pada 18 Disember lalu.

Pengarah Komunikasi Korporatnya, Hasril Abu Hassan berkata, syarahan berkenaan bertujuan memberi pendedahan kepentingan maritim di negara ini.

"Syarahan ini disampaikan oleh Tan Sri Dr Halim Mohamad.

"Beliau memberikan pelbagai saranan serta berkongsi penga-

laman beliau dari awal keterlibatan dalam bidang maritim sehingga kini," katanya.

Hasril berkata, Dr Halim adalah penerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan bersempena Istiadat Konvokesyen UNISEL Kali Ke-14 baru-baru ini.

Katanya, menerusi syarahan itu, beliau banyak berkongsi ilmu dari aspek maritim, logistik, pendidikan dan peluang kerjaya yang harus dikecapi selain menjadikan Selangor sebagai hub maritim terulung di dunia.

Turut hadir, Presiden dan Naib

Canselor UNISEL, Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman.

Terdahulu, usaha pemuliharaan Sungai Klang menerusi projek 'Selangor Maritime Gateway' (SMG) dijangka menyemarakkan ekonomi negeri pada jangka masa panjang.

Kerajaan Negeri mengenal pasti lokasi berasaskan transit sepanjang sungai itu dalam usaha pemuliharaan dan pembangunan.

Ekonomi negeri dijangka dapat disemarakkan pada jangka masa panjang menerusi ekonomi maritim.

56 Orang Asli termasuk kanak-kanak perempuan

Bukan Islam sertai khatan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Seramai 56 masyarakat Orang Asli menyertai program berkhatan secara percuma sempena 'Jalinan Kasih Orang Asli Selangor 2019' di Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan-Asli, Damansara Perdana di sini, baru-baru ini.

Program julung kali itu dianjurkan Persatuan Pengurusan dan Kebajikan Islam Orang Asli (PKIOA) Selangor dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta Megaklinik Zahran.

Pengerusi PKIOA, Norzman Jamalim berkata, 51 daripadanya membabitkan peserta lelaki berusia tujuh bulan hingga 30 tahun dan lima perempuan (tujuh bulan hingga lima tahun).



Katanya, peserta khatan terdiri daripada masyarakat dari Desa Temuan Broga, Puchong, Bukit Bandaraya (Shah Alam) dan Sungai Judah, Gombak.

"Perkhidmatan berkhatan disediakan Megaklinik Zahran ini bukan sahaja untuk mereka yang beragama Islam, namun terbuka buat semua agama dan lapisan

umur.

"Saya percaya dengan wujudnya hubungan baik dengan masyarakat, ini adalah antara cara untuk mendidik tentang kesiha-

tan dan kebersihan selain membina kepercayaan serta ukhuwah.

"Diharap ia dapat membuka mata semua pihak mengenai pentingnya untuk berkhatan, penjagaan kebersihan dan kesihatan serta vaksinasi kepada diri, keluarga, bangsa juga agama," katanya kepada SelangorKini.

Peserta dikhatankan oleh Pegawai Perubatan Megaklinik Zahran iaitu Dr Shah Reza, Dr Azlan Shah, Dr Hazim, Dr Syazmin, Dr Ramziawati dan dibantu pasukan Zahran Sunathon.

Sebelum bermula, mereka dipakaikan Tanjak Hero Sejati sebagai simbolik khas daripada Megaklinik Zahran bagi memberi semangat untuk peserta diikuti acara Bersiram dan pemberian Sijil Hero Sejati usai program berkenaan.

UNISEL-LZS bekerjasama bantu asnaf

HULU SELANGOR - Universiti Selangor (UNISEL) kampus Shah Alam menerusi Persatuan Pengurusan Perniagaan (BBMC) bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu golongan asnaf di negeri ini.

Bantuan itu dilakukan menerusi Program Khidmat Masyarakat dan Ziarah Asnaf anjuran BBMC di Kampung Sentosa Batang Kali di sini, pada 21 Disember lalu.

Penasihat persatuan, Norjiah Muslim berkata, program itu bertujuan membentuk jati diri pelajar supaya lebih berjiwa rakyat selain memperkenalkan UNISEL kepada masyarakat umum.

"Penglibatan ini membabitkan penyertaan seramai 50 orang terdiri dalam kalangan pelajar persatuan BBMC, UNISEL.

"Program ini juga untuk memupuk semangat seperti budaya membantu sesama masyarakat dan berganding bahu dengan badan bukan kerajaan dalam menjaga kebajikan golongan asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui SelangorKini pada Program Khidmat Masyarakat dan Ziarah Asnaf anjuran BBMC di Kampung Sentosa Batang Kali di sini.

Pada masa sama, beliau berkata, LZS turut membantu seramai 100 asnaf yang terpilih di kampung terbabit dengan memberi bantuan barangan dapur.



Katanya, pemilihan asnaf dilakukan LZS bagi mengenal pasti mereka yang benar-benar layak menerima sumbangan terbabit.

"Alhamdulillah program berjalan lancar walaupun baharu julung kali diadakan. Malah, kita bercadang untuk meneruskan program khidmat masyarakat seperti ini pada tahun akan datang," katanya.

Program Khidmat Masyarakat

dan Ziarah Asnaf itu diadakan dua hari satu malam sehingga 22 Disember lalu membabitkan mahasiswa UNISEL, LZS dan golongan asnaf.

Antara aktiviti diadakan sepanjang program itu adalah gotong royong membersihkan rumah asnaf, rewang, pertukaran keluarga angkat antara pelajar dan asnaf, sukaneka serta ceramah motivasi.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
26 DISEMBER 2019 - 1 JANUARI 2020							
29 RABIULAKHIR - 5 JAMADILAWAL 1441							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis	5:53	6:03	7:14	1:16	4:39	7:13	8:28
27 Jumaat	5:54	6:04	7:14	1:17	4:39	7:14	8:29
28 Sabtu	5:54	6:04	7:15	1:17	4:40	7:14	8:29
29 Ahad	5:55	6:05	7:15	1:18	4:40	7:15	8:30
30 Isnin	5:55	6:05	7:15	1:18	4:41	7:15	8:30
31 Selasa	5:56	6:06	7:16	1:19	4:41	7:16	8:31
01 Rabu	5:56	6:06	7:16	1:19	4:42	7:16	8:31
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis	5:56	6:06	7:16	1:19	4:41	7:15	8:30
27 Jumaat	5:57	6:07	7:16	1:20	4:42	7:15	8:30
28 Sabtu	5:57	6:07	7:17	1:20	4:42	7:16	8:31
29 Ahad	5:58	6:08	7:17	1:20	4:43	7:16	8:31
30 Isnin	5:58	6:08	7:18	1:21	4:43	7:17	8:32
31 Selasa	5:59	6:09	7:18	1:21	4:44	7:17	8:32
01 Rabu	5:59	6:09	7:19	1:22	4:44	7:18	8:32
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis	5:53	6:03	7:14	1:17	4:40	7:14	8:29
27 Jumaat	5:54	6:04	7:15	1:17	4:40	7:15	8:30
28 Sabtu	5:54	6:04	7:15	1:18	4:41	7:15	8:30
29 Ahad	5:55	6:05	7:16	1:18	4:41	7:16	8:30
30 Isnin	5:55	6:05	7:16	1:19	4:42	7:16	8:31
31 Selasa	5:56	6:06	7:17	1:19	4:42	7:17	8:31
01 Rabu	5:56	6:06	7:17	1:20	4:43	7:17	8:32



Pendekatan betul, proses pemulihan jadi mudah SELAMAT TINGGAL NIKOTIN, HIDUP LEBIH BERMAKNA

OLEH AFIX REDZUAN

Setiap perokok pastinya menyimpan hasrat untuk berhenti walaupun ia sudah menjadi rutin kehidupan bertahun-tahun lamanya.

Tidak dinafikan, proses untuk berhenti merokok tidak mudah menuturkan kata-kata tetapi ia merupakan perkara indah jika berlangsung dengan positif di samping keazaman tinggi dalam diri serta sokongan insan di sekeliling.

Jika bermula dengan betul bersama panduan yang diberikan, berhenti merokok adalah proses yang sungguh mudah. Untuk menjadi wira sejati, perokok perlu mengatasi semua ujian untuk berhenti merokok.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan maklumat dan perkhidmatan berhenti merokok yang dikongsi menerusi laman sesawang: jomquit.moh.gov.my

KENAPA PERLU BERHENTI?

Selepas bertahun-tahun terdedah kepada nikotin, tar dan bahan kimia lain, badan anda telah terkesan. Dengan berhenti merokok, anda akan mendapati kesihatan diri anda bertambah baik dan kembali seperti sedia kala.

Rokok merupakan tabiat yang mahal dan kosnya meningkat setiap tahun. Dengan mengambil contoh perbelanjaan kasar sekitar RM20 sehari untuk membeli sekotak rokok, sesungguhnya perokok membelanjakan hampir RM600 sebulan atau RM7,200 setahun tanpa disedari.

Jumlah itu berkemungkinan meningkat jika membeli dua kotak rokok sehari bagi tempoh tertentu dan bergantung kepada ketagihan seseorang. Jika kos itu berjaya dijimatkan, perokok mampu membeli sebuah motosikal berkuasa tinggi secara tunai mengikut nilai perbelanjaan berkenaan bagi tempoh 10 tahun.

Dengan berhenti merokok, ia membolehkan seseorang berna-

fas dengan lebih mudah. Tabiat merokok menyumbang 84 peratus kematian berpunca daripada kanser paru-paru dan penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD) pula menyumbang sekitar 83 peratus.

Individu menghadapi COPD mengalami kesukaran bernafas disebabkan penyempitan saluran udara dan kesusnahan tisu paru-paru.

Merokok boleh menyebabkan mati pucuk kerana pembuluh darah yang membekal darah ke zakar boleh rosak. Ia juga boleh mengakibatkan kerosakan dan mengurangkan kiraan sperma serta kanser testis.

Bagi wanita, merokok boleh meningkatkan risiko kanser serviks, mengurangkan kesuburan dan kemudaran kepada janin. Kehidupan seksual akan lebih

sempurna dengan berhenti merokok.

Jantung akan menjadi lebih sihat selepas berhenti merokok kerana karbon monoksida daripada asap dan nikotin memberi tekanan kepada jantung malah ia meningkatkan rosiko darah membeku.

Merokok juga meningkatkan risiko mendapat serangan jantung sebanyak dua kali ganda.

Tindakan berhenti merokok juga akan mengurangkan risiko penyakit gusi dan deria rasa, kanser pada bibir, lidah, tekak, peti suara serta esofagus.

BAGAIMANA HENDAK BERHENTI?

MQuit ialah perkhidmatan bersepadu berhenti merokok yang merangkumi kemudahan awam dan swasta di Malaysia.

Perkhidmatan disediakan termasuk pelan berhenti merokok, sumber dan nasihat tentang berhenti merokok, sesi susulan yang menyeluruh oleh profesional kesihatan yang berdedikasi serta terapi penggantian nikotin untuk memudahkan pemberhentian merokok.

Jangan risau tentang apa yang perlu dilakukan atau bagaimana hendak memulakan perjalanan berhenti merokok. Profesional kesihatan yang mesra bersedia untuk membantu anda dan menyesuaikan 'Pelan Berhenti Merokok' tepat.

Penggunaan ubat bantuan berhenti merokok seperti Terapi Penggantian Nikotin atau Nicotine Replacement Therapy (NRT) boleh meningkatkan peluang seseorang untuk berjaya berhenti merokok. Ubat bantuan ini juga

boleh mengawal ketagihan yang kuat dan mengurangkan simptom penarikan menerusi bantuan doktor atau ahli farmasi.

A. TERAPI PENGGANTIAN NIKOTIN (NRT)

NRT berfungsi untuk mengurangkan kesan ketagihan nikotin ketika proses berhenti merokok. Ia menyalurkan nikotin ke dalam badan dalam kadar yang terkawal dan terdapat dalam pelbagai bentuk seperti tampalan transdermal serta gula getah oral.

Ubat bantuan berhenti merokok boleh dipilih sama ada dengan menggunakan tampalan transdermal atau gula getah oral.

Bagi perokok tegar atau mereka yang gagal berhenti sebelum ini, gabungan kedua-dua bentuk NRT (tampalan dan gula getah) telah terbukti meningkatkan kadar kejayaan.

NRT boleh didapati tanpa preskripsi dari farmasi. Bagaimanapun, adalah penting untuk anda menjalankan penilaian awal berhenti merokok dengan profesional kesihatan untuk menentukan dos yang sesuai.

B. UBAT TANPA NIKOTIN

Ubat tanpa nikotin terdapat dalam bentuk pil dan merangsang kawasan otak sama seperti nikotin. Ia membantu mengurangkan ketagihan ketika proses berhenti merokok.

Berhenti merokok dengan keazaman diri atau kaedah secara serta-merta adalah kaedah yang dilakukan kebanyakan perokok apabila mereka membuat keputusan untuk berhenti.

Walaupun ini adalah tindakan yang terpuji, ketagihan dan simptom penarikan dialami perokok dalam tempoh yang panjang menyebabkan mereka kembali merokok.

Paling penting, dapatkan nasihat doktor atau pihak berkaitan KKM bagi memastikan hasrat itu dapat direalisasikan.

GARIS MASA FAEDAH BERHENTI MEROKOK



Pahit manis dalam Sukan SEA

Atlet cemerlang cipta rekod negara



Gambar FB Nurul Huda Abdullah



Gambar FB Shalin Zulkifli

OLEH NAZLI IBRAHIM

Obor temasya sukan terbesar Asia Tenggara, Sukan SEA Ke-30 sudah pun dipadamkan pada 11 Disember lalu, menandakan berakhirnya pertarungan 11 negara dalam sukan dwitahunan itu.

Pada temasya sukan yang diadakan di Filipina bermula 30 November lalu, Malaysia sekali lagi menghantar kontinjen terbaiknya dengan sasaran 70 pingat emas, 51 perak dan 105 gangsa tetapi gagal lalu sekadar mengumpul 56 emas, 57 perak dan 72 gangsa, jauh meleset berbanding yang dicitakan.

Bagaimanapun, di sebalik kegagalan kali ini, masih ada pencapaian manis untuk dikenang di sepanjang pembabitkan kontinjen negara di Sukan SEA berkenaan.

Paling cemerlang, di gelanggang gimnastik apabila atlet negara membawa pulang 10 pingat emas, masing-masing lima menerusi gimnastik berirama dan gimnastik artistik.

Paling menonjol adalah ratu gimnastik negara yang juga anak jati Selangor, Farah Ann Abdul Hadi, 25, apabila menyumbang tiga pingat emas buat negara.

Begitu juga ratu boling, Shalin Zulkifli, yang wajar dinobatkan sebagai legenda Sukan SEA negara apabila berjaya mengumpul 20 pingat emas di sepanjang pembabitannya dalam sukan berkenaan sejak 1993.

Pemain berusia 41 tahun dicungkil bakatnya oleh Majlis Sukan Negeri Selangor, hampir memecahkan rekod bekas ratu renang, Nurul Huda Abdullah (22 pingat emas), namun penyertaannya dalam Sukan SEA ketujuh buat dirinya kali ini berakhir hampa dengan sekadar meraih bagi perak acara berpasukan wanita.

PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

Biarpun negara gagal mencapai sasaran kutipan pingat keseluruhan dalam temasya sukan itu, namun EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Mohd Khairuddin Othman menjelaskan, pencapaian atlet tetap baik dan boleh disandarkan harapan pada masa depan termasuk pada kejohanan sukan antarabangsa yang lebih besar.

Beliau berkata, ia kejayaan buat Farah Ann apabila mampu meletakkan namanya sebaris dengan legenda Malaysia yang lain apabila mengumpul sembilan pingat emas sejak kali pertama menyertai Sukan SEA Singapura 2015.

"Walaupun tak mencapai sasaran namun jangan kecewa kerana Malaysia diwakili ramai atlet muda yang mempunyai masa depan cerah dan Selangor khasnya boleh berbangga dengan kejayaan Farah Ann.

"Kejayaan mengutip sembilan emas sepanjang penglibatan dalam Sukan SEA melayakkan beliau digelar sebagai salah seorang legenda Sukan SEA negara," katanya kepada SelangorKini.

NURUL HUDA PAHAT REKOD

Nurul Huda selayaknya diakui legenda Malaysia dan atlet paling cemerlang dalam sejarah pembabitkan negara dalam Sukan SEA apabila memahat kejayaan manis dengan memenangi emas terbanyak (22) sejak kali pertama menyertainya pada usia 11 tahun.

Anak kelahiran Selangor berusia 47 tahun dengan nama sebenarnya, Nurul Huda Abdullah Ch'ng Shu Lin, terlibat dalam tiga Sukan SEA sepanjang kariernya bermula Sukan SEA Bangkok 1985, Sukan SEA Jakarta 1987 dan Sukan SEA Kuala Lumpur 1989.

Beliau juga beberapa kali memecahkan rekod dalam acara renang bukan sahaja di Sukan Sea, malah di peringkat Asia.

Antaranya sebagai wanita pertama di Asia Tenggara yang memecahkan rekod lima minit dalam acara 400 meter individu dan rekod 60 saat acara 100 meter gaya bebas.

Beliau turut dinobatkan sebagai Olahragawati Kebangsaan pada 1985, 1986, 1987, 1988 dan 1989.

Pada Sukan SEA 2019 di Filipina, Nurul Huda dilantik sebagai Timbalan Ketua Kontinjen II negara.

Gambar ikut arah jam

Nurul Huda Abdullah, Farah Ann Abdul Hadi, Shalin Zulkifli dan Datuk Marina Chin

Begitu juga bekas ratu trek, Datuk Marina Chin yang bertindak selaku Ketua Kontinjen ketika negara menjadi tuan rumah Sukan SEA pada 2017.

Beliau yang dianggap idola sukan bagi pendaftar baharu apabila berjaya

dengan tujuh pingat emas di sepanjang penyertaannya dalam temasya sukan berkenaan.

Antara kejayaan beliau ialah meraih emas dalam acara 100m dan 200m pecut di Sukan SEA Kuala Lumpur pada 1977 dan emas untuk acara 100m berpagar di Sukan SEA Jakarta pada 1979.

Legenda sukan berusia 64 tahun itu sentiasa beraksi cemerlang apabila turun ke gelanggang serta diangkat menjadi Olahragawati Kebangsaan dan Selangor pada 1976 juga 1977.

Selain Farah Ann, Shalin, Nurul Huda dan Marina, masih ramai lagi atlet negara yang menyinar dalam Sukan SEA.

Sumbangan mereka dalam menjulang nama negara di Sukan SEA akan terus dikenang di sepanjang zaman.



مجلس بندرياء قتاليج جاي
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
PUBLISITI DI BAWAH SEKSYEN 12A

NOTIS PEMBERITAHUAN PUBLISITI BERKAITAN DENGAN PENYEDIAAN AWAL DRAF
RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13, PETALING JAYA (PENGUBAHAN 1) YANG BOLEH
DIDAPATI UNTUK DIPERIKSA.

PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS SEKSYEN 13, PETALING JAYA (PENGUBAHAN 1)

ADALAH DENGAN INI DIBERI NOTIS bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) adalah berhasrat untuk menyediakan suatu draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13, Petaling Jaya (Pengubahan 1).

DAN menurut Seksyen 12A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, MBPJ hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat MBPJ akan memastikan :

"(a) bahawa publisiti diberikan di dalam kawasan mengenai draf rancangan kawasan khas yang akan disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;

(b) bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian."

MAKA DENGAN INI pihak-pihak yang berkenaan adalah dipelawa dan bolehlah membuat pemeriksaan kepada perkara-perkara yang MBPJ bercadang untuk mengambil kira di dalam penyediaan awal Draf RKK Seksyen 13, Petaling Jaya (Pengubahan 1) dan seterusnya bolehlah membuat representasi kepada MBPJ berhubung dengan penyediaan tersebut mulai 17 Disember 2019 hingga 17 Januari 2020 di Lobi Menara Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Tengah, 46675 Petaling Jaya pada waktu pejabat.



OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Edisi kedua Tour De Selangor (TdS) 2019 yang melabuhkan tirai pada 22 Disember lalu melakar sejarah tersendiri buat pelumba sukan berbasikal tempatan dan antarabangsa.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata perlumbaan berprestij itu memberi peluang kepada pasukan baharu melalui cabaran yang menguji mental dan fizikal.

Malah, katanya acara dwitahunan itu bagi meningkatkan keupayaan sukan berbasikal sebagai persediaan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 termasuk Le Tour de Langkawi.

"Saya gembira kerana acara dimulakan pada 2017 ini menjadi salah satu program paling dinantikan pelumba tempatan dan luar negara. Penyertaan dari Indonesia, Vietnam, Jerman serta Australia dilihat contoh terbaik memandangkan sebelum ini kita cuma menerima peserta dari negara ASEAN.

"Ia juga adalah sebahagian daripada latihan kepada pelumba menjelang SUKMA, jadi saya berharap segala kelemahan dan persediaan dapat diperbaiki," katanya yang ditemui pada Majlis Penamat Peringkat Akhir Dan Penyarungan Jersi Tour De Selangor 2019 di Dataran Kemerdekaan di sini.

Turut hadir, EXCO Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan,

Edisi kedua disertai pasukan luar ASEAN

Tour De Selangor makin popular, dinanti pelumba



Dato' Seri Amirudin Shari bersama pemenang ketika Majlis Penamat Peringkat Akhir Dan Penyarungan Jersi Tour De Selangor di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 22 Disember 2019.

Mohd Khairuddin Othman dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor, Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Amirudin berkata, pihaknya

berhasrat untuk meningkatkan kualiti dan status perlumbaan TdS kepada 2.1 bagi edisi akan datang dengan mengambil kira taraf pasukan yang diundang

menyertainya.

Katanya, perlumbaan kali ini masih kekal dengan status 2.2 seperti disyaratkan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI)

berdasarkan hadiah wang tunai RM70,000.

"Kita akan melihat dari semasa ke semasa daripada segi hadiah, kredibiliti dan teknikal untuk membawa kejohanan ini ke tahap lebih tinggi.

"Untuk penganjuran dua tahun lagi, kita kena menyusun semula jadual seperti yang sudah dirancang untuk kita memperkenalkan Selangor di mata umum," katanya.

Kejohanan itu menyaksikan pasukan tempatan, Team Sapura Cycling (TSC) muncul juara keseluruhan dengan catatan masa keseluruhan 46 jam 47 minit dan 46 saat.

Tempat kedua disandang pasukan berpangkalan di Vietnam, Bikelife Dong Nai (46 jam 56 minit dan 18 saat) manakala ketiga menjadi milik satu lagi pasukan tempatan, Terengganu Inc TSG Cycling Team (47 jam 4 minit 9 saat).

Pelumba TSC, Marcus Culey pula muncul pemenang jersi kuning apabila menjadi pelumba terbaik dengan catatan masa keseluruhan 15:24:13s, serta muncul sebagai raja pecut dan raja bukit.

MSN tetapkan harga pemain Akademi Mokhtar Dahari

KUANTAN - Majlis Sukan Negara (MSN) akan meletakkan tanda harga, kepada kelab bola sepak yang berminat mendapatkan khidmat pelatih Akademi Mokhtar Dahari (AMD), untuk mewakili pasukan masing-masing pada masa akan datang.

Ketua Pengarah MSN, Dato' Ahmad Shapawi Ismail bagaimanapun menegaskan, tanda harga itu bukan harga jualan pemain, sebaliknya insentif dalam bentuk pampasan kepada akademi berkenaan, yang mendidik dan membangunkan bakat baharu pemain bola sepak tempatan.

Katanya, Persekutuan Bola

Sepak Antarabangsa (FIFA) juga mempunyai skema, berhubung pemain yang dibentuk daripada program pembangunan bakat, dan tanda harga itu berkemungkinan dilaksana tahun hadapan.

"Sebelum ini mereka (kelab) lebih banyak berurusan dengan ibu bapa dan keluarga untuk mendapatkan pemain, tetapi kini ia perlu melalui akademi (AMD).

"Insentif ini seperti suatu bentuk pampasan bagi akademi,



yang telah berusaha membangunkan pemain itu, dan ia akan digunakan sebaik-baiknya untuk membangunkan pemain baharu lain," katanya kepada pemberita di AMD di sini pada 22 Disember lalu.

Ahmad Shapawi berkata, MSN yang menguruskan projek pembangunan itu, percaya mekanisme baharu tersebut dapat membantu hasrat AMD melahirkan pemain berkebolehan yang berupaya mewakili negara dan kelab pada masa hadapan.

Berikutan ketetapan tersebut, pemain AMD tidak lagi boleh dipancing secara percuma oleh mana-mana kelab yang berminat, untuk mendapatkan khidmat mereka.

Mengulas mengenai Kejohanan Supermohk 2019 yang menutup tirai pada 21 Disember lalu, Ahmad Shapawi berkata, penganjuran tahun ini menampilkan kelainan, kerana memberi tumpuan kepada kelab dari Asia selain pertama kalinya diadakan di luar Kuala Lumpur.

"Kejohanan kali ini merupakan pendedahan kepada pemain AMD untuk bersaing di peringkat

Asia, bagi melihat kualiti pertandingan dan pemainnya sebelum kembali menjemput pasukan dari Eropah dan Asia pada tahun hadapan," katanya.

Sebagai rekod, penganjuran kali ini memasuki edisi kelima, dan ia kali pertama dianjurkan di luar kawasan Lembah Klang iaitu di AMD di Gambang, Pahang.

Kali terakhir Piala Supermohk diadakan pada 2017 yang menyaksikan tiga wakil negara mara ke final setiap kategori, namun masing-masing tunduk kepada pasukan B-14 Arsenal, pasukan B-13 AZ Alkmaar dan pasukan B-12 Sporting CP. - BERNAMA